AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

قليتا برونى

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN sesiapa mencari agama selain agama Islam maka sekali-kali tidak akan diterima (agama itu) daripadanya dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Ali-Imran, ayat 85.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.26 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.13

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 134 | 9 NOVEMBER 2026 / 1448 جمادي الأول 29 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

MIB TONGGAK BINA IDENTITI SEBUAH NEGARA MERDEKA, BERDAULAT

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



BERAKAS, Sabtu, 7 November. - Dalam konteks Negara Brunei Darussalam (NBD), perkataan Melayu Islam Beraja (MIB) bukanlah suatu yang asing kepada orang-orang Brunei.

Kerana, kita sedia maklum bahawa MIB merupakan falsafah negara yang telah baginda isytiharkan semasa Pemasyhuran Kemerdekaan NBD pada 1 Januari 1984.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Majlis Ilmu 2026 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pagi tadi.

>> Muka 2

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Ilmu 2026 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

Perutusan tahniah sempena Hari Kemerdekaan Kemboja ke-73







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni, Raja Kemboja, dan Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni, Raja Kemboja dan Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet, kerajaan dan rakyat Kemboja bersempena dengan Hari Kemerdekaan yang ke-73 negara tersebut.

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



GIC 2026 iktiraf kecemerlangan inovasi, kreativiti serantau

Muka 12



TAKLIMAT Kenegaraan pupuk semangat patriotisme pelajar

Muka 18



LAWATAN dedah pelajar kepada perkhidmatan, kerjaya farmasi

Muka 19



PAMERAN 'Bridging the Sultanates' mengetengahkan hubungan persahabatan, diplomatik, kerjasama antara Brunei - Oman

Muka 21

PELITA BRUNEI

MIB tonggak bina identiti sebuah negara merdeka, berdaulat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Ilmu 2026.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, dapatlah kita bersama-sama hadir dalam perhimpunan Majlis Ilmu yang penuh keberkatan pada pagi ini.

"Beta gembira, Majlis Ilmu terus diadakan sebagai salah satu acara yang disempenakan dalam acara-acara Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan beta.

"Penganjuran Majlis Ilmu seumpama ini, tidak syak lagi mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan ugama. Kerana, di dalamnya kita dapat menambah pelbagai bidang ilmu, melalui aktiviti-aktiviti keilmuan. Bahkan ia merupakan ibadat dan amal kebajikan yang memberi manfaat kepada setiap individu, masyarakat dan negara," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah mengambil maklum bahawa tema Majlis Ilmu pada tahun ini ialah 'MIB : Tonggak Kedaulatan Negara'.

Secara ringkasnya, titah baginda, Melayu mencerminkan jati diri, bahasa, adat dan budaya yang menjadi sebahagian daripada identiti masyarakat dan negara.

Titah baginda lagi, Islam pula, menjadi suluh akidah, syariah dan akhlak serta suluh kehidupan bernegara. Manakala Beraja, mencerminkan institusi pemerintahan yang menjadi payung Allah di bumi-Nya yang bertanggungjawab memelihara ugama, keamanan dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Pada hemat baginda, falsafah MIB ini perlu difahami, dihayati dan diamalkan oleh seluruh lapisan masyarakat sebagai tonggak untuk membina identiti sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.

Kerana itu, titah Kebawah DYMM lagi, MIB tidak boleh dilihat hanya sebagai suatu ungkapan atau slogan semata-mata. Tetapi ia juga adalah teras sejarah, nilai ugama dan sistem pemerintahan yang tersendiri.

"Oleh kerana itu, kemerdekaan tidak dapat dipisahkan daripada falsafah MIB, sementara kedaulatan pula, adalah perlu untuk didukung dan dipertahankan oleh semua. Ia bukan hanya tanggungjawab pemerintah, malah merupakan amanah untuk dipikul bersama-sama," titah baginda.

Inilah titah baginda, MIB yang perlu diperkasa dan dipertahankan oleh generasi demi generasi.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, MIB bukan hanya menjelaskan siapa kita dan dari mana asal kita, tetapi juga turut menentukan bagaimana kita melangkah ke hadapan selaku bangsa yang mempunyai jati diri tersendiri.

Baginda penuh yakin dan optimis, dengan berlandaskan MIB, Brunei akan terus disenangi dan dihormati. Tidak siapa yang akan melihat Brunei malap, malah sentiasa berseri-seri kerana Al-Quran sentiasa dibaca pada setiap hari.

Maka generasi Brunei, titah baginda lagi, bolehlah ia dipanggil Generasi MIB, generasi masa depan yang cemerlang, yang gigih membangun dan memajukan negara hingga ke taraf dunia.

Pada kesempatan ini, baginda menyeru kepada semua pihak, untuk sama-sama bertanggungjawab memastikan MIB kekal hidup dalam keluarga, dalam masyarakat, dalam pendidikan, dalam Perkhidmatan Awam mahupun swasta, dalam institusi keugamaan dan dalam kehidupan bernegara.

Akhirnya, Kebawah DYMM tidak lupa mengucapkan tahniah kepada penganjur dan semua ahli jawatankuasa yang terlibat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati segala usaha kita yang berkebajikan. Amin.

"Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, *Allahumma Shalli 'Alaa Sayyidina Muhammad*, *Wa 'Alla Alihi Wasahbihee Wasallim*, beta dengan sukacita melancarkan buku bertajuk 'Sihir : Kejahatan Sepanjang Zaman' dan 'Buku Kecil Untuk Mengubat Sihir dan Merawat Kerasukan' serta sekali gus merasmikan Majlis Ilmu 2026 berserta semua acara di dalamnya," titah baginda.

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	ISNIN	29	4.36	4.46	6.06	6.30	12.05	3.26	6.02	7.13
10	SELASA	30	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.14
11	RABU	1 JAMADILAKHIR	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.14
12	KHAMIS	2	4.37	4.47	6.07	6.30	12.05	3.27	6.02	7.14
13	JUMAAT	3	4.37	4.47	6.07	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
14	SABTU	4	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
15	AHAD	5	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan	33 25 °C	32 24 °C	32 24 °C
Pekan Bangar	33 24 °C	32 24 °C	31 23 °C
Pekan Tutong	33 25 °C	32 24 °C	32 24 °C
Kuala Belait	33 25 °C	32 24 °C	32 24 °C

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 9 NOVEMBER 2026

Amalan kebersihan tanggungjawab bersama

KEBERSIHAN merupakan salah satu asas penting dalam pembentukan masyarakat yang sihat, sejahtera dan bertanggungjawab. Persekitaran yang bersih bukan sahaja memberikan keselesaan dalam menjalani kehidupan seharian, malah mencerminkan tahap kesedaran, disiplin dan nilai sivik sesebuah masyarakat. Usaha memastikan kebersihan persekitaran sentiasa terpelihara tidak seharusnya dilihat sebagai tanggungjawab kerajaan atau pihak berkuasa semata-mata. Sebaliknya, kebersihan merupakan amanah bersama yang menuntut komitmen berterusan daripada setiap lapisan masyarakat, bermula daripada individu, keluarga dan institusi pendidikan, hinggalah kepada komuniti, sektor swasta dan agensi kerajaan.

Dalam kehidupan seharian, amalan kebersihan sering bermula daripada perkara yang kecil. Membuang sampah ke tempat yang disediakan, tidak mencemarkan kawasan awam, menjaga kebersihan tandas, mengurus sisa dengan betul serta memastikan kawasan kediaman sentiasa kemas merupakan antara amalan mudah yang boleh dilakukan oleh setiap individu.

Tahap kebersihan sesebuah kawasan sering dikaitkan dengan sikap dan kesedaran penghuninya. Persekitaran yang bersih dan terurus memberikan gambaran bahawa masyarakat di sekitarnya mempunyai rasa tanggungjawab serta menghargai ruang yang dikongsi bersama. Sebaliknya, sikap membuang sampah merata-rata, meninggalkan sisa selepas menggunakan kemudahan awam atau tidak mengambil berat terhadap kebersihan kawasan sekitar bukan sahaja menjejaskan keindahan persekitaran, malah boleh memberikan implikasi kepada kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

Dalam hal ini, keluarga merupakan institusi terawal dalam membentuk nilai dan tabiat seseorang. Pendidikan mengenai kebersihan sewajarnya bermula sejak kanak-kanak agar mereka memahami bahawa menjaga kebersihan bukan sekadar rutin, tetapi merupakan sebahagian daripada tanggungjawab terhadap diri sendiri dan orang lain.

Apabila amalan tersebut diterapkan secara konsisten, anak-anak akan lebih mudah memahami kepentingan menjaga kebersihan serta membawanya ke sekolah dan seterusnya dalam kehidupan bermasyarakat.

Institusi pendidikan pula mempunyai peranan yang penting dalam membentuk generasi yang mempunyai kesedaran sivik dan alam sekitar. Pendidikan mengenai kebersihan tidak semestinya terhad kepada pembelajaran di dalam bilik darjah, tetapi boleh diterapkan melalui aktiviti praktikal.

Program gotong-royong, pengurusan sisa, kempen mengurangkan penggunaan plastik serta aktiviti penghijauan boleh menjadi platform untuk mendidik pelajar mengenai kepentingan menjaga persekitaran.

Oleh itu, generasi masa kini mempunyai tanggungjawab yang penting untuk memastikan alam sekitar yang diwariskan kepada generasi akan datang berada dalam keadaan yang baik. Justeru, kesedaran mengenai kebersihan perlu diterapkan secara berterusan, khususnya dalam kalangan generasi muda yang bakal menjadi pewaris dan pemimpin masyarakat. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتريتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچيتق اوله قرينت قلس سنديرين برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT KE PERASMIAN MAJLIS ILMU 2026





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2026 sempena Sambutan Hari Keputeraan baginda yang Ke-80 Tahun, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas dan kiri).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Sabtu, 7 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pagi tadi berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2026 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 Tahun, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador - at - Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dijunjung oleh Penasihat-penasihat Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu Tahun 2026 iaitu Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM, dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; dan Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan, diikuti dengan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, yang kemudian diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan kesimpulannya.

>> Muka 4





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja menadah tangan semasa doa dibacakan (atas dan kiri). Manakala gambar bawah kiri, majlis diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan kesimpulannya. Sementara gambar bawah tengah, antara yang hadir pada majlis tersebut.







DOA selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

PELITA BRUNEI





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan merasmikan Majlis Ilmu 2026 (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, dua buah buku bertajuk 'Sihir: Kejahatan Sepanjang Zaman' dan 'Buku Kecil Untuk Mengubat Sihir dan Merawat Kerasukan' yang turut dilancarkan pada majlis berkenaan.

>> Muka 3

Bacaan Al-Quran dibacakan oleh peserta Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali-9 anjuran Yayasan Budaya Katara, Doha Qatar dengan kerjasama Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam, Doha Qatar Tahun 2026, dan Johan Qari Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Tahun 2023 dan 2024, Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abdul Rajid.

Seterusnya sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam) selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2026.

Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah perasmian dan diselajurkan dengan pelancaran dua buah buku bertajuk 'Sihir: Kejahatan Sepanjang Zaman' dan 'Buku Kecil Untuk Mengubat Sihir dan Merawat Kerasukan'.

Antara sinopsis buku 'Sihir: Kejahatan Sepanjang Zaman' ini adalah kewujudan sihir bukanlah suatu dongengan atau khayalan. Di dalam Al-Quran, sihir disebut di dalam beberapa ayat, antaranya di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 102 yang menyebutkan bahawa sihir adalah perbuatan syaitan yang diajarkan kepada manusia. Diriwayat oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "*Jauhilah tujuh perkara yang membinasakan." Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah tujuh perkara itu?" Baginda bersabda: "Syirik kepada Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan hak…"*

Sihir adalah amalan-amalan yang melibatkan untuk tujuan tertentu berupa kejahatan. Sihir boleh juga disebut sebagai perbuatan guna-guna, dilakukan dengan penggunaan jampi serapah, ritual pemujaan dan meminta pertolongan kepada jin dan syaitan, dan terkadang menggunakan objek tertentu yang biasanya dikaitkan untuk tujuan negatif dan memudaratkan orang.

Sebagai umat Islam, kita diingatkan untuk tidak terlibat dengan amalan sihir kerana ia boleh membawa kepada penyelewengan akidah. Hukum bagi pengamal sihir, sama ada yang melakukannya, mengajarkannya, mempelajarinya atau yang meminta khidmatnya, adalah haram dan boleh membawa kepada syirik, iaitu dosa menyekutukan Allah Subhanahu Wata'ala. Pelakunya seolah - olah meyakini ada kuasa lain yang mampu memberi kesan setanding dengan kuasa Allah, dan inilah punca kerosakan akidah.

Sementara itu, 'Buku Kecil Untuk Mengubat Sihir dan Merawat Kerasukan' pula mengandungi bacaan dan amalan sebagai ikhtiar untuk menolak kejahatan sihir dan kerasukan.

Kemuncak acara diserikan dengan Ceramah Khas Majlis Ilmu 2026 bertajuk 'Melayu Islam Beraja: Tonggak Kedaulatan Negara' yang disampaikan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Sejurus selesai, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja seterusnya berkenan berangkat menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2026.

Pameran pada tahun ini mengetengahkan usaha berterusan daripada kementerian kementerian dan sektor swasta bagi mengukuhkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai tonggak kedaulatan negara.

>> Muka 5





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani lembaran kenangan dan menerima pesambah (atas dan kanan). Manakala gambar-gambar di bawah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah pada majlis berkenaan.







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja dijunjung bergambar ramai.

>> Muka 4

Majlis Ilmu pada tahun ini membawa tema 'Melayu Islam Beraja: Tonggak Kedaulatan Negara', yang mengetengahkan kepentingan falsafah MIB sebagai pegangan dan amalan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam serta tonggak dalam mempertahankan kedaulatan, kestabilan dan keutuhan negara.

Falsafah MIB menegaskan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu yang melaksanakan ajaran agama Islam dan mengamalkan nilai-nilai murni Islam dengan mengekalkan sistem pemerintahan Melayu yang dipimpin oleh sultan serta memelihara nilai-nilai luhur bangsa Melayu, bahasa, adat resam dan kebudayaan Melayu yang tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Tema tahun ini turut menekankan kepentingan usaha berterusan dalam memelihara dan memperkukuhkan falsafah MIB agar terus kekal relevan sebagai pegangan dan amalan orang Brunei, khususnya dalam kalangan belia.

Majlis Ilmu 2026 akan diteruskan dengan Forum Perdana Majlis Ilmu 2026 pada 12 November 2026 dan Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2026 pada 14 November 2026, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

MIB TERAS KESTABILAN, KEHARMONIAN, KEDAULATAN NEGARA

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Sabtu, 7 November. - Pameran Majlis Ilmu tahun ini mengetengahkan pelbagai usaha berterusan yang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian, sektor swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan dalam mengukuhkan penerapan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai tonggak kedaulatan negara.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2026 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pagi tadi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) menyembahkan, Pameran Majlis Ilmu 2026 itu bertemakan konsep digital dan interaktif.

Pameran dibahagikan kepada enam kluster utama iaitu Pertama: Menghayati Sejarah Negara Melayu Islam Beraja; Kedua: Mengukuhkan Kesetiaan Kepada Ugama, Raja dan Negara; Ketiga: Mempertahankan Keyakinan terhadap Nilai-Nilai Islam; Keempat: Memelihara Keharmonian Sosial; Kelima: Menghayati Amalan Tradisi Berbaik-baik; dan Keenam: Menghayati Warisan Budaya dan Tradisi yang Tidak Bercanggah Dengan Ugama Islam.

Sembah Yang Berhormat lagi, melalui pameran ini rasa kasih dan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai payung Allah di bumi Brunei dapat terus disemai dan diperkukuhkan.

Selain itu, pameran ini turut berperanan sebagai wadah untuk memelihara dan mengamalkan MIB dalam kehidupan seharian.

Malah pameran tersebut juga sembahnya, dapat mengukuhkan kefahaman masyarakat bahawa MIB bukan terbatas kepada nilai-nilai murni, tradisi, adat dan warisan budaya semata-mata, bahkan merupakan satu falsafah kenegaraan yang menjamin kestabilan politik, keamanan, kemajuan, kesejahteraan, keharmonian, kemakmuran dan kedaulatan negara.

Turut disembahkan, Tema Majlis Ilmu 2026 iaitu 'Melayu Islam Beraja: Tonggak Kedaulatan Negara', yang membawa pengertian bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu yang berpandukan kepada ajaran-ajaran Islam yang mana raja adalah merupakan pemimpin dan pemerintah tertinggi negara.

"Pencerahan dan penghuraian tema insyaaAllah akan dibentangkan dan dijelaskan melalui Ceramah Khas, Forum Perdana, Ceramah Perdana, Seminar dan Sesi Forum di daerah-daerah juga akan turut diungkayahkan dengan mengundang pakar-pakar khusus dalam bidang masing-masing," sembah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga menyembahkan bahawa Majlis Ilmu tahun ini diungkayahkan bersama dan diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri, melibatkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, dan Jabatan Mufti Kerajaan.

Penganjuran Majlis Ilmu tahun ini juga didukung dan disokong oleh Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

Seterusnya disembahkan bahawa Perasmian Majlis Ilmu tahun ini diisikan dengan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Dalam sembah alu-aluannya juga, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) mewakili Penasihat-penasihat Bersama dan Pengerusi-pengerusi Bersama serta semua peringkat Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Majlis Ilmu 2026 bersempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 Tahun, sukacita turut merafakkan sembah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sembah menjunjung kasih dan penghargaan yang setinggi - tingginya di atas perkenan baginda bercemar duli menyerikan Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2026.

"Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis ini berserta kerabat-kerabat diraja merupakan kurnia yang sangat bermakna dan istimewa untuk *abis* hamba Kebawah Duli Tuan Patik yang sudah setentunya menambah seri dan keberkatan majlis serta menyerlahkan lagi kepimpinan intelektual dan keprihatinan Kebawah Duli Tuan Patik terhadap kepentingan ilmu dan usaha yang berterusan ke arah Negara Brunei Darussalam memiliki dan melahirkan generasi yang berilmu dan berpendidikan tinggi sebagaimana jua hasrat Kebawah Duli Tuan Patik melalui Wawasan Brunei 2035," sembahnya.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) semasa menyampaikan sembah alu-aluan.

Yang Berhormat juga menyembahkan sembah menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat bercemar duli bagi merasmikan Majlis Ilmu 2026 serta mengurniakan titah dan seterusnya berkenan melancarkan dua buah buku.

Bagi mengakhiri sembah alu-aluan, Yang Berhormat juga seterusnya menyembahkan sembah menjunjung kasih di atas keberangkatan paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM dan mendoakan semoga segala usaha dan sumbangan murni yang diberikan akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

PELITA BRUNEI

PAMERAN SERLAHKAN PEMANTAPAN MIB SEBAGAI TONGGAK KEDAULATAN NBD

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2026 di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas dan kiri).

BERAKAS, Sabtu, 7 November. - Pameran Majlis Ilmu 2026 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini, menyerlahkan usaha yang berterusan daripada kementerian-kementerian dan sektor swasta bagi mengukuhkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai tonggak kedaulatan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sejajar dengan tema Majlis Ilmu pada tahun ini iaitu 'MIB : Tonggak Kedaulatan Negara', pameran berkenaan mencerminkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai peranan MIB sebagai asas pembentukan identiti kebangsaan, pembangunan negara dan kedaulatan NBD.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2026 di Ruang Legar, ICC.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador - at - Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Dengan membawa konsep digital dan interaktif, Pameran Majlis Ilmu 2026 ini dibahagikan kepada enam kluster utama. Kluster Pertama : 'Menghayati Sejarah Negara MIB' mempamerkan sejarah bermulanya MIB di NBD.

MIB diisytiharkan secara rasmi sebagai falsafah negara pada 1 Januari 1984. Namun, sejarah membuktikan bahawa MIB di NBD mula diterapkan sejak pemerintahan Sultan Brunei yang pertama, iaitu Awang Alak Betatar yang telah memeluk agama Islam sehingga dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah pada tahun 1368 Masihi.

Dari sejak itu, terbentuklah pemerintahan yang bercorak Kesultanan Melayu Islam. Pameran dalam kluster ini dipersembahkan oleh Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB).

Manakala pameran Kluster Kedua : 'Mengukuhkan Kesetiaan kepada Ugama, Raja dan Negara' menumpukan kepada pengukuhan kesetiaan kepada ugama, raja dan negara yang merupakan nilai MIB, menekankan hubungan erat antara rakyat dengan institusi pemerintahan serta tanggungjawab bersama dalam mengekalkan keamanan, kestabilan dan kemajuan negara; dan kesetiaan yang utuh dalam kalangan rakyat dan penduduk merupakan antara tonggak ke arah kedaulatan negara. Pameran dalam kluster ini dipersembahkan oleh JPM, KHEDN, Kementerian Pendidikan, Jabatan Mufti Kerajaan dan Pusat Sejarah Brunei.

>> Muka 7







KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja pada majlis tersebut (atas kanan, atas kanan sekali dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada para peserta pameran (atas dan kanan).

>> Muka 6

Oleh itu, pameran dalam kluster ini sekali gus mempamerkan usaha dalam memastikan jentera kerajaan dan seluruh rakyat serta penduduk berpegang teguh kepada ajaran ugama Islam, taat setia kepada raja dan negara yang dikasihi serta menanai tinggi konsep MIB.

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Kesihatan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) pula mempersembahkan pengisian ruang pameran bagi Kluster Ketiga : 'Mempertahankan Keyakinan terhadap Nilai-nilai Islam'.

Antara yang disentuh dalam kluster ini ialah selepas kemerdekaan NBD pada tahun 1984, kedudukan agama Islam semakin diperkukuhkan melalui pelbagai dasar dan institusi negara yang menyokong pembangunan kehidupan berteraskan nilai Islam. Ia juga mempamerkan usaha mempertahankan cara hidup bermasyarakat dan bernegara yang bersendikan ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Pameran Kluster Keempat : 'Memelihara Keharmonian Sosial' telah mengetengahkan bahawa di NBD, keharmonian sosial ialah hasil daripada pengamalan nilai-nilai MIB yang menekankan perpaduan, toleransi dan kesejahteraan bersama. Keharmonian sosial mewujudkan suasana kehidupan yang aman, mengurangkan konflik, saling menghormati antara satu sama lain dan memperkukuhkan hubungan sesama manusia.

Pameran dalam kluster ini telah dipersembahkan oleh Kementerian Kewangan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pembangunan, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) di bawah Sistem Kebajikan Negara (SKN).

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi turut mempersembahkan pengisian bagi ruang pameran dalam Kluster Kelima : 'Menghayati Amalan Tradisi Berbaik-baik'. Sifat amalan berbaik-baik merupakan amalan masyarakat Brunei dan berperanan penting dalam mewujudkan keharmonian sosial, memperkukuhkan perpaduan serta mengekalkan kestabilan negara.

Budaya hormat-menghormati dan berbaik-baik ini turut menjadi asas dalam hubungan diplomatik NBD dengan negara serantau dan antarabangsa, selaras dengan pendekatan diplomasi yang mengutamakan persefahaman, kerjasama dan hubungan persahabatan yang berkekalan. Selain itu, dalam era digital dan Kecerdasan Buatan yang berkembang pesat telah mengubah cara manusia berinteraksi, berkomunikasi dan memperoleh maklumat.

Manakala pameran dalam Kluster Keenam : 'Menghayati Warisan Budaya dan Tradisi' pula telah dipersembahkan oleh KKBS. Antara perkara yang diketengahkan ialah menghayati warisan budaya dan tradisi yang tidak bercanggah dengan agama Islam merujuk kepada segala bentuk nilai, adat, bahasa, kesenian, institusi dan amalan kehidupan masyarakat Brunei yang diwarisi daripada generasi terdahulu serta selaras dengan konsep MIB, iaitu budaya Melayu yang diamalkan selaras dengan nilai keislaman dan menghormati sistem beraja.

Melalui Pameran Majlis Ilmu 2026 ini jelas menunjukkan rasa kasih dan taat setia rakyat dan penduduk NBD kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai payung Allah di bumi Brunei Darussalam terus disemai dan diperkukuhkan.

Selain itu, pameran ini juga turut berperanan sebagai wadah untuk mengukuhkan pengetahuan dan kefahaman masyarakat mengenai konsep MIB dan kepentingannya dalam memelihara dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Malah, pameran ini juga dapat memperkaya persepsi masyarakat bahawa MIB bukan hanya terbatas kepada nilai-nilai murni, tradisi, adat dan warisan budaya semata-mata, bahkan merupakan satu falsafah kenegaraan yang menjamin kestabilan politik, keamanan, kemajuan, kesejahteraan, keharmonian dan kemakmuran negara.

Sehubungan itu, orang ramai dialu-alukan untuk menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2026 ini yang dibukakan selama lapan hari bermula hari ini sehingga 14 November 2026.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan (kiri dan kanan).







SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta paduka-paduka anakanda baginda pada majlis berkenaan (atas dan kiri).

PELITA BRUNEI

BERANGKAT TIBA DI DOHA, NEGARA QATAR





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat tiba di Doha, Negara Qatar bagi Lawatan Rasmi (kanan dan kanan sekali).

DOHA, QATAR, Ahad, 8 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman hari ini berangkat tiba di Doha, Negara Qatar bagi Lawatan Rasmi selama tiga hari bermula pada 8 hingga 10 November 2026, atas undangan His Highness Sheikh Abdullah bin Hamad Al-Thani, Timbalan Amir Negara Qatar.

Berangkat mengiringi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah sepanjang Lawatan Rasmi ini ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha dijunjung oleh Vice Chair of the Board of Trustees of Qatar Museums, Tuan Yang Terutama Sheikh Thani bin Hamad bin Khalifa Al-Thani dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Qatar ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Abdulla Hamad A. A. Al-Marri.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berjalan melintasi barisan kawalan kehormatan statik dan menyusuri permaidani merah sebelum menaiki motorkad rasmi.

Juga berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Negara Qatar, Tuan Yang Terutama Mohamed Bahrin bin Abu Bakar.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said

Berangkat adakan Lawatan Rasmi ke Doha, Negara Qatar





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Doha, Negara Qatar. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah (kiri dan kiri sekali).

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 November. – Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman hari ini berkenan berangkat ke Doha, Negara Qatar bagi mengadakan Lawatan Rasmi selama tiga hari bermula 8 hingga 10 November 2026 atas undangan His Highness Sheikh Abdullah bin Hamad Al-Thani, Timbalan Amir Negara Qatar.

Berangkat bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah sepanjang Lawatan Rasmi berkenaan, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Berangkat dan hadir ke Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia ialah Yang Amat Mulia Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pesuruhjaya Polis Pasukan Polis Diraja Brunei, serta Setiausaha-Setiausaha Tetap dari JPM, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, dan Kementerian Pendidikan berserta pasangan masing-masing.



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

KEKUATAN NBD BERGANTUNG KEPADA AGAMA, RAJA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Sabtu, 7 November. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned berkata, untuk selama enam atau tujuh abad, Negara Brunei Darussalam (NBD) sangat bangga dengan Melayu Islam Beraja (MIB).

NBD yang comel ini, jelas Yang Berhormat Mufti Kerajaan, hidup berugama dan berpemerintahan beraja. Inilah NBD. Ugama dan raja, sama sekali tidak dapat dipisahkan, kerana *survival* dan kekuatan NBD bergantung kepada ugama dan raja.

"Perkara ini sudah pun termaktub dalam sejarah, mari! Mari kita sama-sama menghayatinya, khasnya generasi pelapis, janganlah ada yang terlepas pandang untuk memahami perkara ini.

"Setelah enam atau tujuh abad Brunei berdamping rapat dengan MIB tanpa sebarang gangguan, tiba-tiba tanpa disangka-sangka muncul sebuah kuasa untuk cuba-cuba mengubur MIB," ujar Yang Berhormat semasa menyampaikan Ceramah Khas bertajuk 'MIB Tonggak Kedaulatan Negara' semasa Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2026 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pagi tadi.

Dalam ceramahnya, Yang Berhormat seterusnya mengongsikan pada tahun 1573, satu utusan dari sebuah kuasa datang ke Brunei untuk meninjau dan mempelajari keadaan Brunei sambil membuat pemetaan mengenai Brunei. Pada tahun 1574, tambah Yang Berhormat, utusan yang sama datang pula ke Brunei diketuai oleh Dr. Fransisco de Sande.

"Siapakah Dr. Fransisco de Sande? Semua orang tahu siapa dia. Dia adalah utusan negaranya, sebuah kuasa besar pada ketika itu, untuk mencari tanah atau negeri yang boleh dijadikan tanah atau negeri jajahan. Maka Brunei pun menjadi salah sebuah negeri idaman. Lalu kedatangan Dr. Fransisco kali ini ialah untuk membawa sepucuk surat, meminta Sultan Saiful Rijal bersahabat dan sekali gus bernaung di bawah kerajaan pendatang ini," jelas Yang Berhormat.

Ujar Yang Berhormat lagi, semua kehendak atau hajat yang serong ini ditolak oleh sultan malah mendatangkan kemurkaan kepada baginda. Maka gagallah pendatang untuk memaksa Brunei membenarkan permintaan mereka, namun pendatang terus berazam dan mencari jalan untuk menakluk Brunei.

Yang Berhormat seterusnya berkata, setelah beberapa tahun berselang sesudah pendatang gagal untuk mengajak Brunei berbaik-baik dan bernaung di bawah pemerintahan pendatang, maka pada tahun 1578, Dr. Fransisco de Sande telah datang pula ke Brunei dengan membawa 40 buah kapal perang dan beribu-ribu askar.

Setelah sampai di Brunei, tambah Yang Berhormat, Dr. Fransisco menghantar surat kepada sultan. Isi surat antara lain meminta sultan supaya menerima paderi-paderi dan memberi jaminan keselamatan terhadap paderi-paderi dalam masa paderi-paderi itu menyebarkan ugama kufur di Brunei.

Ujar Yang Berhormat, permintaan pendatang asing ini ditolak mentah oleh sultan, menjadikan Dr. Fransisco de Sande bertindak naik ke darat menggeledah Istana Sultan Abdul Kahar (Raja Tua) dan berikutnya menggeledah juga Istana Sultan Saiful Rijal. Mujur kedua-dua raja ini sempat berangkat meninggalkan istana ke Meragang kemudian ke Jerudong, sebagai ikhtiar atau usaha untuk mengelakkan diri daripada ditangkap atau dibunuh oleh pendatang asing itu.

Walaupun musuh bertindak ganas memberi tekanan, tambah Yang Berhormat lagi, namun Sultan Saiful Rijal tetap tidak menyerah kalah. Sekali-kali baginda tidak mengaku kalah. Kerana baginda tahu, jika baginda menyerah kalah atau mengaku kalah, maka bererti MIB akan berkubur dan institusi raja juga akan roboh dan lebur.

"Kerana itu sultan tetap bertahan, bertawakal kepada Allah tidak akan menyerah kalah, dan sama sekali tidak reda untuk membiarkan bumi Darussalam ini ditukar akidahnya kepada akidah kufur. Allahu Akbar! Allah Maha Besar! Lagi Maha Perkasa," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat dalam ceramahnya menyatakan inilah pendirian Sultan Saiful Rijal yang cuma didukung oleh Pengiran Bendahara Sakam bersama-sama dengan 1,000 orang pemuda yang dilatih sebagai perajurit.

Ini sahaja yang ada pada Brunei, tekan Yang Berhormat, berbanding dipihak musuh mereka mempunyai kapal-kapal perang raksasa, alat-alat senjata moden yang canggih dan ramai askar yang cukup terlatih.

Sebenarnya pada tahap ini, kongsi Yang Berhormat lagi, Brunei sudah boleh dianggap kalah dan pendatang menang. Betapa tidak, bukankah pendatang dengan sesuka hati telah bermaharajalela sampai bertindak menggeledah istana, sementara raja pula telah pun meninggalkan istana. Tegas Yang Berhormat, tetapi amat menakjubkan, pendatang tiba-tiba sahaja angkat kaki meninggalkan Brunei, mengapa?

"Inilah misteri sejarah yang tidak mampu untuk dihuraikan oleh akal fikiran, melainkan semua itu 100 peratus adalah kehendak Allah jua, berupa pertolonganNya kepada Brunei, kepada raja yang soleh lagi beriman, Sultan Saiful Rijal, yang berniat suci mempertahankan Brunei daripada dijajah dan melindungi MIB dan institusi beraja daripada cuba-cuba untuk dikubur oleh musuh.

"Ini bukan dongengan, tetapi peristiwa yang benar. Mari! Mari kita mengambil iktibar daripada sejarah perang badar, dalam zaman permulaan Islam, di mana orang Islam pada ketika itu sangat lemah. Hanya mempunyai seramai 300 orang tentera, berbanding musuh seramai 1,000 lebih orang yang lengkap dengan baju besi dan tentera berkuda.

"Tetapi Allah memuliakan Islam dan orang Islam dengan kemenangan dan menghinakan musuh dengan kekalahan. Bagaimanakah Allah memuliakan Islam itu? Iaitu dengan memberikan pertolonganNya seperti yang disebut oleh Al-Quran, Surah Aali 'Imran ayat-ayat 123 hingga 127," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat mengajak orang ramai untuk menghayati ayat-ayat ini. Ayat 123, tafsirNya, "*Dan sesungguhnya Allah telah menolong kamu (mencapai kemenangan) dalam peperangan Badar, sedang kamu berkeadaan lemah (dengan jumlah yang sedikit dan kurang peralatan perang). Oleh itu bertawakallah kamu kepada Allah supaya kamu bersyukur (dengan kemenangan ini)*".

Ayat 124 pula kongsi Yang Berhormat, tafsirNya, "*(Ingatlah wahai Muhammad), ketika engkau berkata kepada orang-orang beriman (untuk menguatkan semangat mereka): "Tidakkah cukup bagi kamu, Allah membantu kamu dengan 3,000 tentera dari kalangan malaikat yang diturunkan?*" Kemudian ayat 125, menambah, tafsirNya, "*Bahkan (mencukupi malah) jika kamu bersabar dan bertaqwa, dan andainya (musuh) dengan serta merta menyerang kamu, nescaya Allah akan membantu kamu dengan 5,000 malaikat yang masing-masing bertanda*".

Yang Berhormat seterusnya berkata, adakah pertolongan Allah ini hanya khusus untuk tentera Badar sahaja? Jawabnya tidak! Sekali-kali tidak! Malah ia juga boleh berlaku di semua peringkat zaman, termasuk zaman Brunei dalam pemerintahan Sultan Saiful Rijal.

Pertolongan Allah, jelas Yang Berhormat, sama sekali tidak hanya terhad kepada tentera Badar sahaja pada seribu tahun lebih yang lampau, tidak! Tetapi ia juga boleh berlaku selepas itu kepada mana-mana jua orang Islam atau kerajaan Islam yang dapat memenuhi pensyaratan bertaqwa dan beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firmanNya dalam Surah Al-Rum, ayat 47,"*Dan adalah kewajipan Kami (Allah) untuk menolong orang-orang yang beriman*". Tambah Yang Berhormat lagi, firmanNya lagi pada Surah Al-Hajj, ayat 38, "*Sesungguhnya Allah membela orang-orang yang beriman*".

"Kita yakin syarat bertaqwa dan beriman ini dapat dipenuhi oleh Brunei pada zaman Sultan Saiful Rijal, makanya, Allah pun menolong Brunei dengan menjadikan musuh meninggalkan Brunei. Kita tidak pasti apa sebab-sebab musuh meninggalkan Brunei, tetapi musuh sendiri pasti tahu mengapa mereka itu lari meninggalkan Brunei. Mungkin sahaja mereka ada nampak atau mendapati perajurit Bendahara Sakam yang diketahui hanya berjumlah 1,000 orang itu bukan seribu, tetapi puluhan ribu atau ratusan ribu yang sedia bertempur dengan musuh.

"Siapakah yang selebihnya puluhan atau ratusan ribu itu, siapa? Jawabnya: Tidak mustahil mereka itulah malaikat yang diperintahkan oleh Allah untuk menolong Brunei," jelas Yang Berhormat.

Tegas Yang Berhormat, perkara ini jangan ditertawakan, tetapi wajib diyakini berdasarkan ayat-ayat Allah yang telah kita sebutkan terdahulu. Kerana berlakunya pertolongan Allah itulah, makanya musuh sampai



CERAMAH Khas bertajuk 'MIB Tonggak Kedaulatan Negara' telah disampaikan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

naik takut, lalu Dr. Fransisco de Sande mengarahkan askar-askarnya untuk pulang sahaja ke Manila.

Demikian itu, jelas Yang Berhormat, penangan 'takut' menjadikan musuh kehilangan diri dan ketandusan semangat. Firman Allah pada Surah Aali 'Imran, ayat 151, "*Kami (Allah) akan mengisi hati-hati mereka (orang-orang kafir) dengan perasaan takut*".

"Sila perhatikan, tidakkah di sini, perasaan takut itu juga adalah tentera Allah? Ya manakala perasaan takut (tentera Allah jenis ini) dicampak ke dalam hati-hati musuh, maka musuh boleh sahaja berkeadaan tidak keruan, termasuk lari menyerah kalah. Tentera Allah, ya tentera Allah," tegas Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, orang tidak beriman memang tidak memahami perkara ini. Mereka tidak tahu bahawa malaikat adalah tentera Allah. Mereka tidak faham bahawa api adalah tentera Allah. Air juga tentera Allah. Api yang panas boleh bertukar sejuk menyelamatkan Nabi Ibrahim 'Alaihissalam atas sifatnya tentera Allah.

Air juga, tambah Yang Berhormat, telah memusnahkan penentang - penentang Nabi Nuh 'Alaihissalam. Laut, juga ternyata tentera Allah membantu Nabi Musa dan kaumnya menyelamatkan diri daripada kejaran Firaun dan sekali gus menelan mati firaun dan askar-askarnya, burung juga adalah tentera Allah.

Contoh ialah burung ababil dalam Surah Al-Fiil yang melontarkan peluru kepada tentera bergajah yang hendak meruntuhkan Kaabah. Angin taufan dan hujan batu menghancurkan kaum Luth, dan jangan lupa perasaan takut juga adalah tentera Allah, boleh rujuk Al-Quran Al-Karim.

"Alhamdulillah, Brunei kita telah pun selamat kerana pertolongan Allah. Sultan telah selamat kerana pertolongan Allah. MIB selamat kerana pertolongan Allah. Institusi beraja juga selamat kerana pertolongan Allah dan kita semua telah selamat kerana pertolongan Allah. Ya, kerana pertolongan Allah lah musuh angkat kaki meninggalkan Brunei. Sekali lagi, kerana pertolongan Allah lah, musuh angkat kaki meninggalkan Brunei.

"Wahai bangsaku dan sekalian warga negara tercinta, jadikanlah kejadian ini iktibar atau pengajaran, supaya kita selamat. Ingat! Jika MIB selamat, semua kita selamat. Jika MIB selamat, ugama selamat. Jika MIB selamat, negara selamat dan jika MIB selamat, raja kita insyaaAllah, raja kita dengan izin Allah, juga pasti selamat," ujar Yang Berhormat mengakhiri ceramah.



PELITA BRUNEI

JPMC TERIMA ANUGERAH PERAK HARI KANSER SEDUNIA 2026

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 November. - Pusat Kanser Brunei (The Brunei Cancer Centre - TBCC), Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre - JPMC) telah menerima Anugerah Perak Hari Kanser Sedunia 2026 sempena Kongres Kanser Sedunia yang berlangsung di Hong Kong pada 26 September 2026 yang lalu.

Pengiktirafan tersebut telah membawa nama Negara Brunei Darussalam (NBD) dan JPMC ke peringkat antarabangsa menerusi kempen yang menggunakan seni, muzik dan perkongsian kisah peribadi bagi menyokong individu yang terkesan oleh penyakit kanser.

Kesatuan Kawalan Kanser Antarabangsa (Union for International Cancer Control - UICC) telah menyampaikan anugerah tersebut atas kejayaan kempen TBCC yang bertajuk 'Bringing Together the Cancer Care Community Through Arts'.

Kempen berkenaan telah dibangunkan berlandaskan tema global Hari Kanser Sedunia, iaitu 'United by Unique' (Bersatu dalam Keunikan).

Pakar Perubatan Perunding dan Ketua Perkhidmatan Pengesanan Awal serta Pencegahan Kanser di TBCC, Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee telah mempengerusikan kempen tersebut.

Beliau menerima anugerah berkenaan di Hong Kong bersama Pakar Onkologi Perubatan Perunding, Dr. Awang Haji Zulkhairi bin Haji Mohamad dan Ketua Jururawat Klinikal, Dayang Sarinah binti Haji Junaidi.

Kempen tersebut telah berlangsung dari bulan Disember 2025 hingga Hari Kanser Sedunia pada 4 Februari 2026.

Seramai 42 pesakit dan bekas pesakit kanser telah menyertai sesi terapi seni yang dikendalikan oleh Pengarah Rainforest Gallery, Dato Shofry bin Abdul Ghafor dan ahli terapi seni pemulihan JPMC, Dayang Nadiah Haji Suhaili.

Para peserta menyatakan bahawa sesi tersebut memberikan ruang kepada mereka untuk meluahkan perasaan serta membantu mengurangkan rasa terasing yang dialami.

Pertandingan seni bagi kanak-kanak dan golongan belia telah menerima sebanyak 84 penyertaan. Kempen tersebut turut menampilkan perkongsian kisah daripada bekas pesakit kanser serta persembahan muzik oleh kakitangan TBCC dengan sokongan Expression Music Academy.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan, selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Jerudong Park Medical Centre (JPMC) dijemput bergambar ramai bersama kakitangan The Brunei Cancer Centre (TBCC), JPMC serta anugerah yang telah diterima oleh pihak TBCC.

"Pengiktirafan ini adalah milik para pesakit, bekas pesakit kanser, keluarga, rakan sekerja dan rakan kerjasama komuniti yang telah berkongsi pengalaman serta membantu menjayakan kempen ini. Penglibatan mereka mengingatkan kita agar terus mendengar dan merancang aktiviti berdasarkan keperluan golongan yang kita berikan perkhidmatan," kata Datin Dr. Hajah Noraslinah.

JPMC telah memberikan penghargaan kepada pasukan TBCC semasa perhimpunan kakitangan (Staff Town Hall) pada 2 November 2026.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC telah mengucapkan tahniah kepada pasukan TBCC serta rakan sekerja yang memberikan sokongan terhadap kempen tersebut.

"Setiap individu yang menerima penjagaan daripada kita mempunyai pengalaman, kebimbangan dan harapan tersendiri. Mendengar luahan mereka serta memberikan sokongan terhadap kesejahteraan emosi mereka merupakan aspek penting dalam penjagaan yang kita sediakan," ujar Yang Berhormat.

Komited memperkukuh kerjasama sosiobudaya ASEAN





YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam kapasiti beliau sebagai Menteri Majlis ASCC bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), hadir pada Mesyuarat ASCC Kali Ke-36 di Pasay City, Republik Filipina (kiri). Manakala gambar atas, NBD turut diwakili oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dalam kapasiti beliau sebagai Ketua SOCA bagi NBD, bersama-sama pegawai kanan dari kementerian berkenaan .

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

PASAY CITY, REPUBLIK FILIPINA, Sabtu, 7 November. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shahmary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, dalam kapasiti beliau sebagai Menteri Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), baru-baru ini telah mewakili negara pada Mesyuarat ASCC Kali Ke-36 yang diadakan di Pasay City, Republik Filipina.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Setiausaha Kebajikan Sosial dan Pembangunan Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rexlon Ting Gatchalian, dalam kapasiti beliau sebagai Pengerusi Majlis ASCC, di bawah tema Pengerusian ASEAN Filipina, iaitu 'Navigating Our Future, Together'.

Mesyuarat tersebut menegaskan semula komitmen kolektif ASEAN untuk memajukan ASEAN yang berteraskan rakyat, inklusif dan berdaya tahan melalui pelaksanaan Pelan Strategik ASCC di bawah Wawasan Komuniti ASEAN 2045, dengan memberikan penekanan khusus terhadap usaha menterjemahkan komitmen serantau kepada dasar dan program yang konkrit serta memberikan manfaat nyata kepada rakyat ASEAN.

Semasa mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengalu - alukan kemajuan yang telah dicapai dalam memajukan Pelan Strategik ASCC serta menekankan kepentingan memperkukuh kerjasama serantau dalam menangani cabaran yang saling berkaitan, di samping memupuk semangat identiti dan perpaduan bersama yang lebih kukuh dalam kalangan Negara-negara Anggota ASEAN.

Yang Berhormat turut menekankan bahawa kekuatan tersendiri ASCC terletak pada mandatnya yang berteraskan rakyat, yang berperanan sebagai penghubung penting antara komitmen serantau peringkat tinggi dengan peningkatan kehidupan rakyat secara nyata melalui kemajuan sosial, pembangunan modal insan dan kesejahteraan yang mampan.

Yang Berhormat juga mengalu - alukan pelancaran Sistem Perancangan, Pemantauan, Penilaian dan Pembelajaran ASCC (PMEL) semasa Majlis Pembukaan Mesyuarat Majlis ASCC Kali Ke-36.

Bersama - sama dengan Kerangka Hasil ASCC, sistem tersebut dijangka dapat memperkukuh pembuatan keputusan berasaskan bukti, meningkatkan akauntabiliti serta memudahkan pemantauan yang lebih berkesan terhadap pelaksanaan Pelan Strategik ASCC, serta Deklarasi dan Pelan Kerja badan-badan sektoral ASCC yang berkenaan.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan sokongan NBD terhadap keutamaan Pengerusian Republik Filipina melalui agenda R.I.S.E., yang memberikan tumpuan kepada keluarga yang berdaya tahan dan diperkasakan; pembangunan inklusif; belia pintar dan inovasi; serta masa depan yang mampan dari segi alam sekitar dan terjamin dari segi keselamatan makanan.

Beliau turut menekankan keselarasan keutamaan tersebut dengan usaha pembangunan NBD serta mengulangi komitmen negara untuk memajukan kerjasama serantau yang memberikan manfaat bermakna dan berpanjangan kepada rakyat ASEAN.

Antara hasil utama mesyuarat tersebut ialah penegasan semula Pelan Strategik ASCC sebagai kerangka untuk memajukan keutamaan sosiobudaya ASEAN, pelancaran Sistem PMEL yang merangkumi Sistem Pangkalan Data ASCC yang dipertingkatkan bagi Pemantauan dan Penilaian (ADME) 2.0, serta pengesahan Laporan Mesyuarat Majlis ASCC Kali Ke-36 untuk dikemukakan kepada Sidang Kemuncak ASEAN Kali Ke-49 bagi pertimbangan para pemimpin ASEAN.

Mesyuarat Majlis ASCC Kali Ke-36 telah didahului oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pegawai-Pegawai Kanan bagi Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (SOCA) Kali Ke-41 yang diadakan pada 4 November 2026.

Pada mesyuarat tersebut, NBD telah diwakili oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman, dalam kapasiti beliau sebagai Ketua SOCA bagi NBD, bersama-sama pegawai kanan dari kementerian berkenaan.

ILMU, AMANAH KUNCI KECEMERLANGAN DALAM PEKERJAAN



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir menyertai Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-254 secara dalam talian dan acara berkenaan diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Ilmu Dan Amanah: Kunci Kecemerlangan Dalam Pekerjaan' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3 Selatan, Seria, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Mohammad Fakhri bin Haji Ibrahim.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 November. - Dalam Islam, pekerjaan bukan sekadar mencari rezeki, bahkan merupakan satu amanah dan ibadah apabila dilaksanakan dengan niat yang ikhlas serta cara yang diredai Allah.

Kecemerlangan dalam pekerjaan bukan hanya diukur melalui pangkat dan kedudukan, tetapi juga melalui dua perkara penting, iaitu ilmu dan amanah.

Ilmu membimbing kita membezakan perkara yang benar dan salah serta membantu melaksanakan tugas dengan cekap dan sempurna. Jika ilmu membimbing kita mengetahui cara melaksanakan pekerjaan, amanah pula memastikan tugas tersebut dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab.

Amanah juga bererti melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh, menepati masa, tidak menyalahgunakan kuasa dan tidak bekerja secara sambil lewa.

Ilmu dan amanah perlu berjalan seiring. Ilmu tanpa amanah boleh membawa kepada penyalahgunaan kepakaran, manakala amanah tanpa ilmu boleh menyebabkan tugas tidak dilaksanakan dengan sempurna.

Oleh itu, laksanakanlah setiap tugas dengan penuh kesungguhan. Jadikanlah pekerjaan kita sebagai peluang mengumpul pahala dan memberikan manfaat kepada orang lain.

Sesungguhnya kecemerlangan sesebuah organisasi bukan hanya bergantung kepada sistem dan kemudahan, tetapi juga kepada ilmu, akhlak dan amanah setiap individu di dalamnya.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Ilmu Dan Amanah: Kunci Kecemerlangan Dalam Pekerjaan' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3 Selatan, Seria, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Mohammad Fakhri bin Haji Ibrahim, bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-254 pada malam tadi.

Acara Malam Munajat disertai bersama oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormt Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Menyemarakkan Program Malam Munajat minggu ini ialah ahli-ahli jawatankuasa takmir, belia dan jemaah dari Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait serta beberapa buah masjid dan surau di seluruh negara.

Turut menyertai, warga kerja KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara munajat malam tadi dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pemangku Ketua Kampung Pekan Kuala Belait 'A', Daerah Belait, Awang Haji Muhammad Ammar Muazzam bin Haji Matusof, yang juga bersiaran dari Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Pejabat Pengajian Islam Daerah Belait, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Amerul Shah bin Awang Haji Besar, Nazir Khas.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Imam Tingkat III, Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Memohon Dikurniakan Hujan Sebab Dilanda Jerebu oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Afiq Haririe bin Haji Mat Daud.

Sejurus selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Belia Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Muhammad Aidil Al-Rafique bin Hamzani.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Ketua Guru Ugama, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Mohd. Ali Omar bin Haji Yusof.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit. Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita rafakkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan *http://tiny.cc/munajatkheu*.

Festival ketengahkan kebudayaan tradisional, moden Jepun





TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan majlis perasmian festival berkenaan. Turut hadir ialah Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka (atas dan kiri).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 November. - Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam (NBD) menganjurkan Festival Kebudayaan Jepun 2026 selama dua hari, bermula hari ini hingga 8 November 2026, bertempat di Times Square Shopping Centre, di sini.

Penganjuran festival kali ke-12 itu bertujuan memperkenalkan kebudayaan tradisional dan kontemporari Jepun kepada masyarakat di negara ini melalui pelbagai persembahan pentas, bengkel dan reruai pameran.

Sebagai acara pembuka tirai, satu bengkel 'Ikebana', iaitu seni gubahan bunga tradisional Jepun, telah diadakan pada 6 November lalu di Laksamana College of Business (LCB).

Bengkel berkenaan disertai kira-kira 30 peserta yang berpeluang mempelajari seni gubahan bunga Jepun di bawah bimbingan guru 'Ikebana' bertauliah dari Jepun, Taniguchi Chieko.

Sementara majlis perasmian festival yang berlangsung petang tadi disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid, selaku tetamu kehormat.

Turut hadir ialah Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka, dan Pengurus Besar Times Square Shopping Centre, Dayang Amal Majidah Haji Suhaili.

Majlis diteruskan dengan upacara memotong reben sebelum diserikan dengan persembahan bertenaga daripada kumpulan Hibikiya, iaitu kumpulan persembahan gendang tradisional Jepun atau 'Wadaiko' yang dianggotai oleh ahli dari Republik Singapura dan Jepun.

Sepanjang dua hari festival berlangsung, para pengunjung berpeluang menyaksikan pelbagai pengisian menarik yang mengetengahkan kebudayaan tradisional dan moden Jepun.

Antara aktiviti pada hari pertama termasuk bengkel 'Temari' dan 'Maki Sushi' yang dikendalikan oleh cef rasmi Kedutaan Jepun, bengkel 'Orizome' atau teknik mewarna kain melalui lipatan, sesi perkongsian mengenai pembangunan industri manga di NBD, bengkel kaligrafi Jepun serta pertandingan 'Plamo' atau model plastik.

Hari kedua festival pula diteruskan dengan pertandingan mewarna, sesi perkongsian mengenai Biasiswa Kerajaan Jepun (MEXT), pembentangan berkaitan Jepun oleh para pelajar sekolah menengah tempatan, demonstrasi Judo dan Kendo serta sesi perkongsian mengenai subkategori fesyen 'Lolita'.

Turut memeriahkan festival ialah persembahan tarian J-pop oleh Brunei Japan Friendship Association (BJFA) Cawangan UBD dan UTB, serta persembahan tarian tradisional Brunei dan Jepun oleh BERSATU.

Festival berkenaan diakhiri dengan persembahan tarian 'Soran Bushi' yang dipersembahkan secara bersama oleh BJFA dan Hibikiya.

Selain itu, para pengunjung turut berpeluang mengunjungi pelbagai reruai pameran dan menyertai aktiviti interaktif seperti kaligrafi, origami, pemakaian 'yukata' dan permainan tradisional, di samping mendapatkan maklumat mengenai peluang melanjutkan pengajian ke Jepun serta pembelajaran bahasa Jepun.

Melalui penganjuran festival berkenaan, Kedutaan Jepun berharap agar ia dapat meningkatkan minat dan kefahaman masyarakat terhadap kebudayaan Jepun, di samping terus memperkukuh hubungan persahabatan antara Jepun dan NBD.

PELITA BRUNEI

GIC 2026 IKTIRAF KECEMERLANGAN INOVASI, KREATIVITI SERANTAU

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 November. - Global Innovators Challenge (GIC) 2026 melabuhkan tirainya baru-baru ini menerusi Majlis Penutup yang berlangsung di Inspiring Hub, Universiti Brunei Darussalam (UBD), dengan memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi cemerlang serta meraikan kreativiti, inovasi dan potensi keusahawanan para pelajar dan penyelidik dari rantau ini.

Berlangsung dari 2 hingga 4 November 2026, dengan tema 'Shaping Tomorrow : Innovation Without Boundaries', cabaran berkenaan menghimpunkan seramai 42 peserta yang mewakili 13 pasukan daripada 16 institusi dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Malaysia, Republik Indonesia dan Republik Filipina.

Program tersebut menyediakan platform kepada para peserta untuk mengetengahkan idea masing-masing, bertukar-tukar pengetahuan serta memperoleh pandangan dan pengalaman berharga daripada golongan profesional industri, mentor dan panel hakim.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup berkenaan, Setiausaha Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

Turut hadir, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle, pegawai-pegawai utama, rakan industri, ahli akademik serta para peserta.

Dalam ucapan penutupnya, Pengarah Perusahaan dan Pemasaran, Pejabat Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan), UBD, Dr. Annie Dayani binti Ahad Abdullah, merakamkan penghargaan kepada para peserta atas keberanian, komitmen dan kesediaan mereka dalam mengetengahkan idea serta menghadapi cabaran dalam bidang inovasi.

Mengimbas kembali perjalanan sepanjang cabaran berkenaan, beliau menegaskan bahawa pengalaman yang diperoleh bukan sekadar tertumpu kepada kemenangan dalam pertandingan, malah turut menitikberatkan aspek pembelajaran, kerjasama dan ketekunan dalam proses menghasilkan inovasi.

Dr. Annie Dayani seterusnya berkata, setiap pengalaman yang dilalui, termasuk usaha yang dicurahkan, cabaran yang dihadapi serta maklum balas yang diterima, mempunyai nilai tersendiri dan merupakan sebahagian daripada proses yang membentuk keupayaan seseorang untuk menjadi lebih baik.

Beliau seterusnya menggalakkan para peserta agar terus mengembangkan idea masing-masing selepas pertandingan dengan memperhalusi dan menguji konsep yang diketengahkan, mendapatkan bimbingan mentor serta meneroka peluang untuk merealisasikan inovasi yang berpotensi kepada aplikasi praktikal.

Seterusnya, Dr. Annie Dayani turut menekankan kepentingan menyediakan ekosistem yang menyokong perkembangan idea inovatif agar dapat diteruskan melangkaui peringkat awal pembangunan. Sehubungan itu, pelancaran InnovateLab yang diadakan bersempena GIC 2026 merupakan satu lagi langkah dalam usaha berterusan UBD untuk memperkukuh ekosistem inovasi dan keusahawanan.

Dr. Annie Dayani turut merakamkan penghargaan atas sumbangan dan sokongan yang tidak ternilai daripada para penaja, rakan industri, panel hakim, mentor, rakan pendidik serta pasukan penganjur dalam menjayakan cabaran berkenaan.

Mengakhiri ucapannya, Dr. Annie Dayani mengingatkan para peserta bahawa idea sekecil mana sekalipun berpotensi untuk membentuk masa depan, sambil berharap dapat menyambut penyertaan mereka sekali lagi pada Global Innovators Challenge 2027.

Global Innovators Challenge 2026 mendapat sokongan daripada Hibiscus EP (Brunei) B.V. dan Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) selaku penaja emas; Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) selaku penaja gangsa; serta Tabung Amanah Pekerja (TAP) sebagai rakan sokongan.

Penglibatan golongan profesional industri, panel hakim dan mentor turut memberikan pendedahan berharga kepada para peserta mengenai perspektif industri, sekali gus membantu mereka memahami dengan lebih mendalam aspek-aspek praktikal yang perlu dipertimbangkan dalam membangunkan dan memperkembangkan hasil inovasi masing-masing.

Majlis Penutup berkenaan turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada para peserta cemerlang dalam tiga kategori utama sebagai pengiktirafan terhadap idea inovatif, sumbangan penyelidikan serta potensi mereka dalam menghasilkan impak yang bermakna.

Kategori anugerah dan para pemenang adalah seperti berikut, iaitu Student Innovators Award (Tertiary & Undergraduate) dimenangi oleh NERDS 2.0 dengan menerima wang tunai sebanyak BND1,000, dengan projek 'Birdseye : A Computer Vision-based Poultry Litter Monitoring System'.



SETIAUSAHA Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri ketika menyempurnakan penyampaian hadiah kepada salah seorang penerima.

Manakala Student Innovators Award (Postgraduate) pula dimenangi oleh ReGen Group dengan menerima wang tunai sebanyak BND1,000, dengan projek 'ReFacile : Turning Old Facades into Green Assets'.

Sementara Researcher Innovation Award (Academic-Led Project) dimenangi oleh BRUBIOCOAT, dengan menerima wang tunai sebanyak BND1,500, dengan projek 'Global Urban Innovation & Development', yang memfokuskan kepada usaha mengubah hasil sampingan pertanian dan sisa makanan yang terdapat di peringkat tempatan menjadi bahan pengawet biodegradasi bagi mengekalkan kesegaran buah-buahan dalam tempoh masa lima hingga tujuh hari.

NERDS 2.0, ReGen Group dan BRUBIOCOAT pula masing-masing dinobatkan sebagai johan bagi kategori yang disertai.

Inovasi yang diketengahkan memperlihatkan bagaimana penyelidikan, kreativiti dan pemikiran keusahawanan dapat diterjemahkan kepada penyelesaian praktikal yang berpotensi memberikan manfaat.

Global Innovators Challenge mencerminkan komitmen berterusan UBD dalam memupuk ekosistem yang berteraskan inovasi dan keusahawanan dengan menggalakkan para pelajar serta penyelidik menterjemahkan idea kepada penyelesaian yang memenuhi keperluan industri dan masyarakat yang semakin berkembang.

Menerusi inisiatif seperti GIC dan InnovateLab, UBD terus menyediakan peluang bagi menggalakkan inovasi, kerjasama dan penglibatan bersama pihak industri, di samping menyokong usaha membawa idea ke arah aplikasi sebenar serta pengkomersialan.

Khatam Al-Quran, Doa Kesyukuran sempena Puja Usia Raja Isteri



SUASANA pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bagi tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 November. - Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) pagi tadi menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bagi tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang berkenaan disertai kira-kira 280 orang yang terdiri daripada ahli-ahli persatuan yang bergabung di bawah MWNBD serta jemputan khas daripada persatuan - persatuan sahabat MWNBD.

Hadir pada majlis berkenaan, Yang Dipertua MWNBD, Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yusof, serta Naib-naib Yang Dipertua MWNBD.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Dipertua MWNBD, diikuti bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah secara beramai-ramai.

Acara diteruskan dengan bacaan doa memulakan bacaan Al-Quran, sebelum para peserta bersama-sama mengkhatamkan Al-Quran bermula dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang diketuai oleh Dayang Siti Nor Azimah binti Haji Tindas daripada Persatuan Wanita Kampung Junjungan (PEWAJA) yang juga seterusnya memimpin bacaan Takhtim dan Doa Khatam Al-Quran.

Doa Tahlil pula dibacakan oleh Dayang Hajah Mahani binti Haji Aris daripada Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait (PKP).

Doa Kesyukuran Khas sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bagi tahun 2026 dibacakan oleh Dayang Haji Fatimah binti Haji Abd. Ghani daripada Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD).

Sementara itu, ahli-ahli Persatuan Kebajikan Wanita Perumahan Negara Lambak Kanan (BAKANITA), Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait (PKP) dan Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) mengetuai Dikir Marhaban.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Dayang Hajah Jusnani binti Awang Taha daripada Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) seterusnya bacaan Kafaratul Majlis dan Surah Al-Asr.

Penganjuran majlis berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan MWNBD sebagai tanda kasih dan penghormatan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri selaku Penaung Diraja MWNBD.

Antara objektif utama majlis berkenaan adalah untuk merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri sentiasa dilanjutkan usia, dikurniakan taufik dan hidayah, kesihatan yang baik serta berada dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

MWNBD dianggotai oleh 13 buah persatuan, iaitu Persatuan Pertiwi, WI, Badan Kebajikan Isteri Pegawai-Pegawai Kerajaan, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan Brunei Darussalam (BISTARI), PPPBD, Badan Kebajikan Isteri-Isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI), PKP, PGGMB, Persatuan Kebajikan Gabungan Wanita Daerah Tutong (PERGANITA), BAKANITA, Persatuan Siswazah Wanita (PSW), Persatuan Belia Kampung Lambak (PERBEKAL), PEWAJA dan Persatuan Nurul Islam (PNI).

سرواه سوعي

بيجق برمعاملة دالم دنيا ديجيتل

جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دغن منيڠكتكن كإيمانن كڤدنۏ. سسوعڬوهن اورڠ يغ ڤاليغ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يغ ڤاليغ برتقوى. موده–مودهن كيت منجادي إنسان يغ سنتياس مڠإيڠتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ، براوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوڬ دأخيرة.

جماعه يغ درحمتي الله،

كهيدوڤن تيدق قرنه لڤس درڤد ميكول تعڬوعڬجواب، يغ منونتوت أكر كيت تروس برأوسها، براختيار دان برصبر باكي ممنوهي كڤرلوان سارا هيدوڤ يغ سماكين منجابر. أتس داسر ايتوله، إسلام منونتوت كيت منجاري رزقي يغ حلال لاكي بايك، ترماسوق ملالوءي لاڤڬن قرنياكأن. دالم أوروسن معاملة دان جوال بلي، كيت واجب برلاكو جوجور دان أمانه سرتا منجاوهكن ديري درڤد سكلا بنتوق ڤنيڤوان، مانيڤولاسي اتاو ڤليويڬن يغ بوليه منظاليمي اورڠ لاين.

كنهويله بهاوا، كجايأن دالم قرنياكأن بوكن هانۏ ڤد بايقن كأونتوڬن، تتاڤي ڤد رزقي يغ حلال دان دبركتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. اوليه ايت، برنياكله دڬن جوجور دان أمانه. **درڤد أَبُو سَعِيد الْخُدْرِيّ رَضِيَاللَّهُعَنْهُ، رسول الله صَلَّىاللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ برسبدا: التَّاجِرُ الصَّدُوقُ الأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ. مقصودڽ: ڤنياك يغ** جوجور لاكي **أمانه ايت، اكن برسام فارا نبي، صِدِّيقِين دان فارا شهداء. {حديث روايت إمام ترمذي}**

حديث ترسبوت منونجوقكن بتاڤ موليان كدودوقن ڤنياك يغ مڠعملكن سيكڤ جوجور دان أمانه دالم أوروسن مريك. حاصل كأونتوڬن يغ دڤرأوليه ملالوءي جالن يغ بنر بوكن سهاج مباوا منفعت ددنيا، ماله منجادي ساهم يغ ميلامتكن كيت دأخيرة كلق.

جماعه يغ درحمتي الله،

انارا بنتوق ڤنيڤوان، مانيڤولاسي اتاو ڤليويڬن دالم قرنياكأن اياله ميمبوييكن كحاجتن بارڠ، منيڤو سوكتن دان تيمبڬن سرتا ممبريكن معلومت ڤلسو دمي مڬاوت كأونتوڬن. جاڬنله كران مڠجر كأونتوڬن، كيت سڬوڤ مڠمبيل حق اورڠ لاين دڬن جارا يغ ساله.

دالم سبواه حديث يغ دروايتكن اوليه إمام مسلم درڤد أبو هريرة رَضِيَاللَّهُعَنْهُ، بهاوا رسول الله صَلَّىاللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ تله ممبري قرايڠتن كرس ترهادڤ قربواتن منيڤو ملالوءي سبدا بكيندا: **مَنْ غَشَّ فَلَيْسَ مِنِّي. مقصودڽ: بارڠ سيافا يغ منيڤو، مك دي بوكن درڤد كولوڬنكو.**

سسوعڬوهن قركمبڬن تيكنولوجي تله مودهكن ڤلياكاي أوروسن كهيدوڤن، ترماسوقله دالم أوروسن معاملة دان ترنسكسي جوال بلي، سرتا أوروسن ڤمبايرن دان ڤلابورن يغ كيني بوليه دلاكوكن دڬن موده دان بكيتو فانتس، هان ملالوءي تيليڤون فينتر.

نامون، ريباليتين كمودهن اين جوڬ دافت دإيكسڤلويتاسي اوليه ڤنجنايه سبير سهيڬك ممبوكا رواڠ كڤد ڤلياكاي بنتوق ڤنيڤوان، مانيڤولاسي اتاو ڤليويڬن خصوصن دالم أوروسن معاملة ديجيتل دان جوال بلي دالم تالين. اد ڤيهق يغ تيدق برتعڬوعڬجواب تركامق مڠكوناكن كمبر دان معلومت ڤلسو، بهكن تيكنولوجي سڤرتي **DEEPFAKE** اونتوق مڤامر سباكاي اورڠ كنامأن اتاو سيليبريتي باكي ممقردايا اورڠ راماي دمي مندافتكن كأونتوڬن. اوليه ايت، كيت هندقله سنتياس برهاتي–هاتي دان تيدق موده قرجاي دڬن ستياف تاورن، معلومت اتاو إنديۏيدو يغ دتوي دالم تالين.

جماعه يغ درحمتي الله،

أوتوريتي ايندوستري تيكنولوجي إينفوكومونيكاسي برونې دارالسلام (AITI) ملالوءي إينيسياتيف **"WASPADA.BN"** مڠإيڠتكن اورڠ راماي أكر سنتياس بروسڤادا ترهادڤ ڤنيڤوان دالم تالين. عملكنله سيكڤ تَبَيُّن دڬن مڤمق كصحيحن ستياف معلومت دان تاورن ملالوءي سالورن راسمي سبلوم ممبوات سبارڠ ترنسكسي.

جاڬن موده ترڤدايا دڬن تاورن لوماين اتاو منجوريكاكن. إيلقكن منكن ڤاوتن يغ تيدق دكتاهوي، جاڬن بركوڬسي معلومت ڤريبادي دان جاڬن ممينديهكن واڠ تنڤا ممبوات ڤعصحن ترلبيه دهولو. إيڠتله، سمق سبلوم قرجاي، فيكير سبلوم برتيندق. سيكڤ برهاتي–هاتي دافت ملينداوڬي ديري، كلوارك دان هرتا درڤد منجادي مڬسا ڤنيڤوان.

سكيرانۏ ترجادي ڤنيڤوان، سكراله لاڤوركن كڤد ڤيهق بركواس ترماسوق ملالوءي تاليان بنتوان أنيق سكيم ڤاسوقن ڤوليس دراج برونې سوڤايا تيندقن دافت أمبيل دڬن سكرا دان كروكين دافت دكورڬكن.

دمكين جوڬ، جاڬنله سكالي–كالي منجوال، ميياكن اتاو ممينجمكن أكاون بڬك كيت كڤد ڤيهق لاين. قربواتن ايت بوليه منجاديكن كيت ڤمبنتو كڤد سيندیكيت ڤنيڤوان، سدڬكن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ تله ملارڠ كيت درڤد برتولوڠ–تولوڠن دالم قربواتن دوسا دان قرموسوهن، سباكإيمان فرمان الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دالم سورة المائدة أية ٢:

دان جاڬنله تولوڠ منولوڠ دالم دوسا دان قرموسوهن (ملڬكر حكوم الله)...

بكيتو جوڬ سباكاي ڤنياك، كيت هندقله سنتياس برسيكف جوجور، أمانه دان برتعڬوعڬجواب دالم ستياف أوروسن قرنياكأن. جاڬن سسكالي مڬمبيل كسمڤتن أتس كلمهن اورڠ لاين ملالوءي سبارڠ بنتوق ڤنيڤوان، مانيڤولاسي، ماهوڤون ڤليويڬن دمي مرإيه كأونتوڬن سمات–مات. سسوعڬوهن كأونتوڬن يغ دڤرأوليه ملالوءي جالن يغ تيدق حلال دان منيڤو بوكن سهاج بوليه مڬعقبتكن كهيلڬن كڤرجايأن ڤلڬكن. درڤد أبو هريرة رَضِيَاللَّهُعَنْهُ، بلياو بركات: **أكو مندڠر رسول الله صَلَّىاللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ برسبدا: الْحَلِفُ مَنْفَقَةٌ لِلسِّلْعَةِ، مَمْحَقَةٌ لِلْكَسْبِ. مقصودڽ: سومڤه (ڤلسو) ايت ملاريسكن بارڠ جوالن، تتاڤي موسنهكن كبركتن رزقي (قرنياكأن). {حديث روايت إمام مسلم}**

سسوعڬوهن سومبر رزقي يغ دڤرأوليه ملالوءي جالن يغ حرام موڬكين ممباوا كأونتوڬن سمنتارا، نامون حقيقتن اي مڤهيلڬكن كبركتن، مروسقكن كهيدوڤن سرتا ممباوا ڤيسلن دان عذاب دأخيرة كلق.

اوليه ايت، ماريله كيت سام–سام مڬعملكن سيكڤ جوجور، أمانه دان برتعڬوعڬجواب دالم ستياف أوروسن معاملة، خصوصن دالم دنيا ديجيتل ماس كيني، ڤليهاراله ديري دان كلوارك كيت أكر سومبر رزقي يغ دباوا باليق كروميه ايت سنتياس حلال دان دبركتي اوليه الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. سموڬ كيت تركولوڠ دالم كالڬن همبانۏ يغ سنتياس منجاڬ كجوجورن سرتا دكورنياكن رزقي يغ حلال لاكي بايك. آمين يا رَبَّ العالمين.

واهاي اورڠ–اورڠ يغ برإيمان! جاڬنله كامو ساليغ مماكن هرتا سسام كامو دڬن جالن يغ باطل (سڤرتي ماكن ريبا، مرمڤس، منيڤو دان برجودي)، كجوالي دڬن جالن قرنياكأن يغ دلاكوكن سجارا سوكا سام سوكا دانتارا كامو. دان جاڬنله كامو ممبونوه ديري كامو سنديري (اتاو ممبونوه اورڠ لاين). سسوعڬوهن الله مها ڤڠاسيه ترهادڤ كامو.

{ سورة النساء أية : ٢٩ }

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُالله الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 051 / 2026

Tajuk:
Replacement Of 11KV Switchgear At Lamunin Main Intake Station In Tutong District

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam kelas 3,4 atau 5, dalam Kategori E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03.

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / AMS / 034 / 2026

Tajuk:
Maintenance And Emergency Works Of DES Building Statewide

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 November 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Boleh Diperoleh Daripada:
Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga
Tingkat 4, Ibu Pejabat,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam.

Tempat Tutup:
"Peti Tawaran"
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Kompleks Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam kelas 3,4 atau 5, dalam Kategori B01

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 063 / 2026

Tajuk:
Provision Of Security Guards Services For 66 / 11KV Substations Statewide Over A Period Of Sixty (60) Months

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 November 2026

Harga Tawaran:
BND1000.00
(Tidak Dikembalikan)

JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPKK / JKSH2627-QTN.08 / FSS
Kerja-Kerja Pembaikan Ruang Kargo, Mengecat dan Pemasangan Sticker Logo bagi Pick Up Jabatan Perbendaharaan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPKK / JKSH2627-QTN.09 / FSS
The Supply And Delivery Of Four Hundred (400) Pieces Of Negara Brunei Darussalam's Flag 4' X 8' Woolen Bunting Sewn With State Colour And State Crest In Red Colour On Both Sides For The Treasury Department, Ministry Of Finance

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPKK / JKSH2627-QTN.10 / FSS
The Supply And Delivery Of One Thousand Five Hundred (1,500) Pieces Of Negara Brunei Darussalam's Flag 3' X 6' Woolen Bunting Sewn With State Colour And State Crest In Red Colour On Both Side For The Treasury Department, Ministry Of Finance

Tarikh Tutup / Jam:
Sabtu,
14 November 2026
Jam 9.00 Pagi

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / IL / TA / 1003
Pembelian Baru, Penggantian Dan Tambahan Perabot-Perabot Bagi Kegunaan Unit Kuartermaster Institut Latihan ABDB, Pejabat Perumahan Penanjong Garison, Kompeni Rekrut Institut Latihan ABDB, Sekolah Pertukangan Tangan Tentera Institut Latihan ABDB Dan Pejabat Kawalan Padang Tembak Institut Latihan ABDB. Penanjong Garison

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 24 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
1 Disember 2026,
2.00 Petang

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LE / TA / 2003
Pembaikan Kenderaan Jenis IVECO Eurocargo Truck Kepunyaan Unit-Unit ABDB

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LE / TA / 1004
Pembelian Alat Ganti Kenderaan Jenis Handalan Kepunyaan Unit-Unit ABDB

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LE / TA / 2006
Pembaikan Kenderaan Jenis Mechanical Handling Equipment (MHE) Kepunyaan Unit-Unit ABDB

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / IL / TA / 1004
Pembelian Alat Perabot Untuk Kegunaan Pusat Evolusi, Institut Latihan ABDB, Penanjong Garison

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 1 Disember 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
8 Disember 2026,
2.00 Petang

KEMENTERIAN KEWANGAN

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KKW / BTM / PROC / 2026 / 2
Pembekalan Komputer Tablet Untuk Kegunaan Kementerian Kewangan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawahnya

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,
14 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KEPI / BKSM / LTK / ASET / 01 / 2026-2027.
24-Months Term Contract For Janitorial Services At Ministry Of Economy, Trade And Industry Buildings.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
8 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BHEK / Q / 2026-21
Kerja-Kerja Pembaikan Atap Dan Siling Bangunan Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Cawangan Muara, Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
17 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JPi / 04 / 2026
Design & Build For New Proposed Seawater Intake System For Keramut Shrimp Farm, At Lot 22563, Telisai, Mukim Telisai, Tutong District, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
12 Januari 2027,
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(115) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Unit 6.03, Tingkat 6, East Wing, Pejabat Perkhidmatan Kejururawatan Kesihatan Masyarakat Dan Unit 4.02, Tingkat 4, West Wing, Pejabat Lembaga Perubatan Brunei Dan Tingkat 7 & 8, East Wing Pusat Latihan Dan Perkembangan Kejururawatan, Di Block 2G, Kondominium Ong Sum Ping, Kementerian Kesihatan.

Kelas:
II

Kategori:
B01

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
DSS / FS / PROC / B50K / 2026-2027 / 038 (TOX)
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission Two (2) Units Of Sample Concentrator For Toxicology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
DSS / FS / PROC / B50K / 2026-2027 / 037 (TOX)
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission One (1) Unit Of Water Bath For Toxicology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
DSS / FS / PROC / B50K / 2026-2027 / 047 (TOX)
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission One (1) Unit Of Positive Pressure Manifold For Toxicology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
DSS / FS / PROC / B50K / 2026-2027 / 048 (TOX)
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission One (1) Unit Of Microcentrifuge For Toxicology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(12) PPN / QTN / 2026 (BME)
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning, Twenty-Five (25) Units Of Small Water Distiller For Various Dental Clinic, Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1764) / 2026 / HTD (A19)
To Troubleshoot And Repair GETINGE GSS67H (67H202E) Sterilizer At CSSD, SSBH. (WO#2026-13723, BME19228, SN:0011137425-010-01)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1767) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Unit Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME1336 (S/N: FB12K0124) At Room 8 Jubli Perak Sengkurong Health Clinic For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1768) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Part For One (1) Unit Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME20071 (S/N: FB14L0141) At Room 11, Block A National Dental Centre For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1769) / 2026 / HTD (A20)
One-Off Preventive Maintenance For LNI SWISSGAS Gas Generators Connected To Shimadzu GC-2030AF Gas Chromatography-Flame Ionisation Detector (GCFID) BME20795 At Food Chemistry Laboratory, Department Of Scientific Services

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1766) / 2026 / HTD (A20)
Replacement Data Management And Acquisition System For Gas Chromatography Mass Spectometer (GCMS) Brand: Perkin Elmer, Model: Clarus 680, S/N: 680S314120401, BME18122 At Pharmacy Laboratory, Department Of Scientific Services

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(116) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
Supply And Delivery Of Covidien Valleylab REM Polyhesive For Operating Theatre, Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(117) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Deliver Of Hem-O-Lock ML Clips For Operating Theatre, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(118) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Deliver Of Endobag – Extraction Bag For Operating Theatre, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(119) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Deliver Of Spinal Needle For Operating Theatre, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(120) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
Supply And Delivery Of Warming Blanket – Upper Body For Operating Theatre, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(121) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Deliver Harmonic Ace + Shears For Operating Theatre, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(122) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
Supply And Delivery Of Disposible Ecoliner Suction And Fluid Collection System For Operating Theatre, Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Ministry Of Health (Clustering)

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,
14 November 2026,
Jam 2.00 Petang

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
(38) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / CSSD
Supply And Delivery Office Equipments For Central Sterilise Services Centre (CSSD) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital (Non-Clustering)

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
(123) PSD / QTN / 2026 – (JDP)
Pengiklanan Bagi Pembekalan Table Calendar Kementerian Kesihatan

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1771) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Two (2) Units Of DURR Dental Suction, Model VS 300 S (7122-02/002), BME1680 At Block A Room 6 And BME20079 At Block B Room 3 National Dental Centre For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1770) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Unit Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME1143 (S/N: FB11J0028) At Room 7, RIPAS Specialist Banglow 2 For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
MOH / HPC / QTN / 26-27 (14)
Social Media Content Creation And Management Services For Health Promotion Centre, Ministry Of Health For Two (2) Years (Clustering)

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
(124) PSD / QTN / 2026 – (JKPPP)
Supply, Delivery, Installation And Testing Of Card Printer And Supply Of Consumables

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
(11) PPN / QTN / 2026 (BME)
Supply And Delivery Fixed-Frequency Dental Scaler Handpiece For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 113 / 2026
1) Prednisolone acetate 1% eye drop - Qty: 3,000 x 5ml

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 114 / 2026
1) Vitamin B12 (hydroxocobalamin) 1mg/ml injection - Qty: 150 x 3's
2) Activated Aqueous Charcoal Suspension - Qty: 100 x 50g

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 115 / 2026
1) Dabigatran 75mg oral solid preparation preferably scored tablet - Qty: 40 x 30's
2) Dexamethasone 0.5mg oral solid preparation preferably tablet - Qty: 10 x 1,000's

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 116 / 2026
1) Magnesium Sulphate Injection - Qty: 20 x 10's
2) Fat soluble vitamins (Vit A, D, E, K) for infants as Vitalipid infant injection or its equivalent x 10mls - Qty: 15 x 10's

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 117 / 2026
1) Mirtazapine 15mg oral solid preparation preferably scored tablet - Qty: 1,500 x 28's
2) Digoxin 0.25mg/ml injection - Qty: 200 x 5's

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,
21 November 2026
Jam 2.00 Petang

PUSAT SEJARAH BRUNEI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
8 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575
Perkhidmatan Mencetak, Membekal Dan Menghantar Cenderamata Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
9 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575
Membekal Perkhidmatan Pendigitalan Bahan Rekod Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (PenBORNEO) Pusat Sejarah Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
10 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575
Membekal Perkhidmatan Pemeliharaan, Pemuliharaan Dan Pembersihan Makam-Makam Sultan Brunei Di Bawah Kawalan Pusat Sejarah Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
11 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575
Perkhidmatan Pembekalan, Penggantian Dan Pemasangan Alat Pendingin Hawa Di Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (penBORNEO), Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
12 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575
Membekal Perkhidmatan Mengecat Semula Dan Penyelenggaraan Fasad Bangunan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
13 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575 :
Membekal Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Kerja-Kerja Pembaikan Sistem Paip Utama (Main Pipe) Bangunan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
14 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575 :
Kerja-Kerja Menaik Taraf Dan Mengkonkrit Lantai Di Sebahagian Sekitar Kawasan Bangunan Pusat Sejarah Brunei Dan Pusat Pengkajian Borneo, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
15 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575 :
Kerja-Kerja Menaik Taraf Dan Membina Pagar Di Kawasan Tempat Letak Kereta (Belakang) Bangunan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
19 November 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / ITQ / BKK / 2006(2023) / 1.7 / 26 - 27 – OSP
Term Contract (12 Months) For Maintenance Of Air Conditioning And Repair Works To Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Block 2H Jalan Ong Sum Ping, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / ITQ / BKK / 2006(2023) / 1.7 / 26 - 27 – TL
Term Contract (12 Months) For Maintenance Of Air Conditioning And Repair Works To Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kampus Kekal Jalan RIPAS, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Rabu, 11 November 2026

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / ITQ / BKK / 2006(2023) / 1.2 / 26 - 27
Term Contract (12 Months) For Maintenance Of Electrical And Engineering Works To Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Rabu, 11 November 2026

PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
(15) NDMC / TSH / 2026-2027
Perkhidmatan Jamuan Untuk Petugas Yang Berkhidmat Dalam Pengurusan Bencana Koordinasi Di Daerah-Daerah Dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) [Makanan Dan Minuman – Secara Tapau Dan Berhidang] Bagi Tempoh Dua (02) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
11 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU / RPK / TA / 8014
Pembelian Ballistic Helmet Bagi Unit Rejimen Pasukan Khas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (RPK ABDB)

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin, 17 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 24 November 2026
Jam 2.00 petang

KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KEPI / BKSM / JKSH / HRD / 2 / 2026-2027
Mengendalikan Latihan Align, Achieve & Excel: Strategic Direction, KPI Setting And Team Experience

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Syarat - Syarat Dan Peraturan Dalam Menyertai Sebut Harga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / CRP / 01-10 / 2026-2027
Tawaran Bagi Percetakan, Perbekalan Dan Pengedaran Bahan Terbitan Dan Promosi KUPU SB 2026/2027

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
11 November 2026
Jam 2.00 Petang

Syarat- Syarat Dan Peraturan Dalam Menyertai Sebut Harga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / PE / 01-09 / 2026-2027
Design And Build Renovation Works For Ra'es And Registrar Office At Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / PE / 01-10 / 2026-2027
Design And Build Renovation Works For Classrooms At Block A, B, C Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
25 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2026-2027 / 07(R)

Tajuk Tawaran:
Appointment Of Project Management Services For The Planning, Coordination And Delivery Of Visit Brunei Year (VBY)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 November 2026,
Jam 2.00 Petang

26 November 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 63 / 2026
Tawaran Pakej Pengendalian Persembahan Bagi Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke 81 Tahun 2027.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II, III & IV Sahaja

Kategori:
E01, E02 & M03 Sahaja

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 Disember 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 031 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Bagi Genset-Genset Di Loji Rawatan Air Bukit Barun Peringkat 6, dan 7 (HLT), Daerah Tutong, Jabatan Perkhidmatan Air

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III & IV Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 Disember 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 030 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tangki Bangar Lama, Daerah Temburong

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

IMBASAN MINGGUAN



SALAH seorang peserta yang menyertai Pertandingan National Islamic Speech bagi Sekolah-sekolah Rendah Negara Brunei Tahun 2026 peringkat akhir yang berlangsung di Centre Stage, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

ANTARA yang hadir semasa Program Bicara An Nisa sempena Sambutan Hari Keluarga dan Hari Kesihatan Mental Sedunia yang berlangsung di Masjid Kampung Tanah Jambu. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



ANTARA yang turut serta semasa Program Cabaran Larian Sejarah Brunei 2026 (Brunei History Race Challenge 2026) anjuran Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Syarikat RYS Entertainment, DinkinLobsters Pickleball Club dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei disokong oleh KKBS bersama Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei dan Bank Islam Brunei Darussalam yang berlangsung di PSB. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

SUASANA semasa Majlis Perasmian Piala Canselor 2026 di Auditorium Universiti Islam Sultan Sharif Ali yang menandakan bermulanya siri pertandingan sukan, keagamaan dan kebudayaan yang menghimpunkan penyertaan Institut Pengajian Tinggi di Negara Brunei Darussalam. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

PARA peserta yang menyertai acara larian tahunan VA RUN 2026 Powered by Imagine yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



ANTARA aksi pelajar dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) semasa menyertai Klinik Bola Sepak Republik Singapura yang berlangsung di padang bola sepak, Peak Club anjuran Singapore Association (SA) di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan sokongan Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura di NBD. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas.

PELITA BRUNEI

MEMOHON KEBERKATAN, KEMUDAHAN HADAPI PEPERIKSAAN SSSRU

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

KIARONG, Sabtu, 7 November. - Bagi memohon keberkatan dan kemudahan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dalam menghadapi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU), Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Ugama Kawasan Brunei II telah mengadakan Majlis Mohon Restu bagi Murid-murid Darjah VI yang merangkumi Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin, Doa Peperiksaan dan Ceramah Motivasi.

Seramai 1,420 murid Darjah VI, termasuk murid berkeperluan khas dari sekolah-sekolah ugama Kawasan Brunei II, bersama ibu bapa dan penjaga masing-masing hadir pada majlis yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat secara berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Guru Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Awang Mohd. Faris Zayani bin Muhd. Firdausil Amin.

Seterusnya, Doa Peperiksaan dibacakan oleh Guru Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Haji Mohammad Khairuddin bin Haji Meraji.

Majlis diteruskan dengan ceramah motivasi yang disampaikan oleh Penolong Kaunselor, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Fariszal bin Ali dan diakhiri dengan sesi memohon restu melalui bersalaman bersama ibu bapa, penjaga dan guru-guru.

Penganjuran majlis ini merupakan antara usaha berterusan dalam memberikan persediaan rohani serta suntikan motivasi kepada murid-murid sebelum menghadapi Peperiksaan Bertulis SSSRU yang dijadualkan berlangsung pada 9 hingga 23 November 2026.

Usaha ini juga diharap dapat memberikan ketenangan dan keyakinan kepada para murid, di samping memohon agar mereka dikurniakan kejayaan dan kecemerlangan dalam peperiksaan berkenaan.



CERAMAH motivasi telah disampaikan oleh Penolong Kaunselor, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Fariszal bin Ali.



MAJLIS Mohon Restu tersebut telah diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, dan dihadiri oleh seramai 1,420 murid bersama ibu bapa dan penjaga masing-masing.

Taklimat Kenegaraan pupuk semangat patriotisme pelajar

Oleh : Noraisah Haji Mohammed
Foto : Azmah Haji Ahad

BELAIT, Sabtu, 7 November. – Seramai 74 orang penuntut Tahun 7, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut, Kuala Belait telah menghadiri Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' hari ini.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam menyemai cinta khususnya dalam kalangan pelajar terhadap raja, agama, bangsa dan juga negara.

Turut hadir bagi sama-sama mendengarkan taklimat tersebut ialah Timbalan Pengetua Pentadbiran, Awang Hamdani bin Haji Abu Bakar dan para tenaga pengajar di sekolah berkenaan.

Taklimat Kenegaraan tersebut disampaikan oleh Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Nurakram bin Haji Noraini@Bahrin.

Antara isi taklimat yang disampaikan menyentuh mengenai raja, tatacara menaik-kibarkan bendera negara iaitu hendaklah memastikan bendera negara dalam keadaan sempurna dan bersih, tidak koyak dan pudar warnanya.

Selain itu, taklimat juga menyampaikan mengenai sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'. Penuntut-penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Di samping menambah pengetahuan am, penuntut-penuntut juga berpeluang menyertai Sesi Kuiz bersempena program taklimat tersebut.

Program seumpama ini dihasratkan akan dapat memperkukuhkan dan meningkatkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Taklimat diakhiri dengan Kuiz Kenegaraan yang disertai seramai 10 penuntut terdiri daripada lima orang penuntut lelaki dan lima orang penuntut perempuan di mana kesemua penuntut telah berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan dan seterusnya bergambar ramai.



TAKLIMAT Kenegaraan tersebut disampaikan oleh Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Nurakram bin Haji Noraini@Bahrin.



173 murid TASKA YSHHB terima sijil, hadiah

Siaran Akhbar dan Foto : Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BERAKAS, Ahad, 8 November. - Seramai 173 orang murid Taman Asuhan Dua dari Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) baru-baru ini diraikan pada Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil-sijil Akademik serta Persembahan Taman Asuhan Dua Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan TASKA YSHHB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pegawai Perhubungan Awam, YSHHB, Dayangku Azami binti Pengiran Haji Ahmad.

Para murid yang diraikan turut mengambil bahagian dalam persembahan yang bertemakan 'Under the Sea, Every Little Life Matters'.

Persembahan tersebut mengetengahkan bakat, kreativiti dan kebolehan murid-murid melalui pelbagai persembahan yang menarik, serta memupuk kesedaran dalam kalangan anak-anak tentang pentingnya menjaga kebersihan dan memelihara ekosistem laut.

Acara turut diserikan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengetua Sekolah Rendah dan TASKA YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat.

Pengetua Sekolah Rendah dan TASKA YSHHB dalam ucapannya antara lain menjelaskan bahawa bagi murid-murid Taman Asuhan Dua, di usia 4 tahun dan di peringkat usia awal kanak-kanak, kecemerlangan bukan hanya diukur melalui pencapaian akademik semata-mata.

Jelasnya, fokus pembelajaran adalah kepada penguasaan kemahiran asas seperti mewarna, mengenal bentuk, nombor dan huruf, mendengar dan memahami arahan dengan mudah, berkomunikasi menggunakan ayat ringkas, serta membina kemahiran *fine motor skills* seperti memegang pensel dan gunting dengan betul, kemahiran hidup seperti memakai baju sendiri dan kebersihan diri serta kemahiran praktikal adalah sangat penting untuk dididik dalam Taman Asuhan Dua ini.

Ia antara lain diadakan untuk memberikan pendedahan dan peluang kepada murid-murid untuk meningkatkan keyakinan diri serta keberanian ketika membuat persembahan di atas pentas dan di hadapan khalayak ramai.

Selain untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada murid-murid atas usaha, komitmen dan ketekunan mereka dalam pencapaian akademik, di samping perkembangan holistik yang merangkumi aspek sahsiah, sosial, emosi dan kreativiti.

Majlis tersebut diharapkan dapat menjadi wadah untuk meraikan pencapaian murid-murid serta memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dalam membentuk perkembangan dan potensi diri mereka secara menyeluruh.



SERAMAI 173 orang murid Taman Asuhan Dua dari TASKA YSHHB diraikan dan mengambil bahagian dalam persembahan yang bertemakan 'Under the Sea, Every Little Life Matters' pada Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil-sijil Akademik tersebut.

LAWATAN DEDAH PELAJAR KEPADA PERKHIDMATAN, KERJAYA FARMASI

Berita dan Foto : Ihsan Abdul Aziz Pandin





SERAMAI 40 pelajar Tahun 10 bersama tiga guru dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain telah menyertai lawatan sambil belajar ke Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan, di Kampung Madaras baru-baru ini. Para pelajar dan guru berpeluang melihat persekitaran kerja di makmal serta peralatan yang digunakan (atas, kiri dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 November. - Seramai 40 pelajar Tahun 10 yang mengambil mata pelajaran kimia bersama tiga guru dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain menyertai lawatan sambil belajar ke Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan, di Kampung Madaras.

Lawatan anjuran Bahagian Pendidikan Kerjaya sekolah berkenaan memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang perkhidmatan farmasi serta peluang kerjaya dalam bidang tersebut.

Setibanya di jabatan berkenaan, rombongan disambut mesra oleh para pegawai sebelum mengikuti beberapa sesi taklimat. Wakil unit yang terlibat menerangkan fungsi, tanggungjawab dan perkhidmatan unit masing-masing.

Para pelajar turut mendapat penerangan mengenai kelayakan akademik untuk menjadi ahli farmasi serta laluan pengajian yang boleh mereka ikuti selepas tamat persekolahan menengah. Lawatan kemudian diteruskan ke kemudahan jabatan, khususnya makmal yang menjadi antara acara utama program.

Para pelajar dan guru berpeluang melihat sendiri persekitaran kerja di makmal serta peralatan yang digunakan. Pengalaman berkenaan membantu pelajar menghubungkaitkan pembelajaran kimia di bilik darjah dengan kerja yang dijalankan di jabatan berkenaan.

Antara objektif lawatan ialah memperluas pemahaman pelajar tentang perkhidmatan farmasi, penggunaan ilmu kimia dalam bidang ubat-ubatan dan kepentingan kawalan kualiti. Program berkenaan juga bertujuan untuk memupuk minat terhadap bidang sains dan kesihatan serta membantu pelajar membuat pilihan pengajian dan kerjaya berdasarkan maklumat yang diperoleh.

Sepanjang lawatan, para pelajar digalakkan membuat pemerhatian dan mencatat maklumat penting yang dikongsikan oleh para pegawai.

Pihak sekolah merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Farmasi atas sambutan mesra yang diberikan. Penghargaan turut disampaikan kepada para pegawai yang membimbing rombongan dan menyampaikan taklimat yang jelas serta mudah difahami.

Menurut pihak sekolah, penerangan berkenaan membantu pelajar dan guru memahami peranan setiap unit dengan lebih baik, manakala pengalaman lawatan secara keseluruhannya melebihi jangkaan rombongan.

Pihak sekolah berharap pengalaman berkenaan dapat mendorong para pelajar untuk terus mendalami bidang sains serta membantu mereka merancang pengajian dan kerjaya dalam bidang farmasi atau bidang kesihatan yang berkaitan.



BKISHHB perkenalkan perkhidmatan bas 'shuttle' percuma

Siaran Akhbar dan Foto : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 November. – Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) memperkenalkan perkhidmatan bas *shuttle* percuma sebagai inisiatif untuk memudahkan orang ramai, termasuk para pengunjung tempatan dan pelancong, berkunjung ke BKISHHB.



Perkhidmatan berkenaan disediakan pada setiap Ahad sepanjang tempoh projek perintis, bermula 25 Oktober 2026 hingga 29 November 2026, dengan beberapa lokasi pengambilan dan penghantaran penumpang yang telah ditetapkan.

Waktu perkhidmatan bermula pukul 10.30 pagi hingga 5.00 petang dan lokasi-lokasi pengambilan ialah Yayasan Complex (Entrance 'A'), Badi'ah Hotel, J Hotel, J Vista Hotel, Times Hotel, Parkview Hotel, dan Rimba Point.

Pendaftaran awal adalah diperlukan bagi memastikan tempat duduk penumpang dapat disediakan. Setiap slot perjalanan memerlukan sekurang -kurangnya lima penumpang berdaftar. Sekiranya jumlah minimum berkenaan tidak dicapai, slot perjalanan berkenaan akan dibatalkan.

Penumpang yang berjaya mendapat pengesahan tempat duduk akan menerima makluman melalui WhatsApp.

Untuk pendaftaran dan maklumat lanjut, sila imbas Kod QR yang tertera pada poster atau hubungi WhatsApp BKISHHB di talian +673 8153264.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1.**'Pengurusan Emosi dalam Kalangan Remaja'.** Tarikh Tutup **: 11 November 2026**
2.**'Tahap Kesediaan Belia Memasuki Alam Pekerjaan'.** Tarikh Tutup **: 18 November 2026**
3.**'Kepentingan Inovasi dan Kreativiti dalam Perniagaan'.** Tarikh Tutup **: 25 November 2026**

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi **BND75** SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

قليتا بروني PELITA BRUNEI



سهاري دبالاي خزانه

Oleh : Nurfarisha Arifah, dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

كونجوڠن ككالري لازيمڽ دأيريڤي جڤكاءن اونتوق مليهت ارتيفك دان ممباچ معلومت سجاره يڠ دڤاڤركن. نامون، كونجوڠن كبالاي خزانه إسلام سلطان حاج حسن البلقيه (BKISHHB) ممڤرليهتكن بهاوا ڤڤالمن سدمكين بوليه ممباوا معنا يڠ لبيه لواس. باهن يڠ دڤاميركن بوكن سهاج ممڤركنلكن واريثن إسلام، بهكن مڤوندڠ ڤڤونجوڠ اونتوق ممهمي كاءيتنن دڠن علمو، سجاره دان كهيدوڤن مشاركت.

ستيباڽ دكاوسن باڠونن يڠ ترلتق دجالن ڤڤيرن بابو راج، كأونيكن سني بيناڽ سكڒا مناريق ڤرهاتين. لالوان ماسوق منوجو كهلامن باڠونن دأڤيت اوليه امڤت منارا چهاي ستيڠكي ٦٠ ميتر يڠ ريك بنتوقن مڤيڤتكن ڤڤونجوڠ كڤد منارا مسجد تمڤتن. كحاضيرن قبة دان چيري سني بينا إسلام ڤد باڠونن اين منمڤيلكن ايدينتيتي ترسنديري. سبلوم مماسوقي ككالري، ڤرسكيترنڠ سوده ممبريكن كمبرن تنتڠ واريثن يڠ باكل دتروكاءي.

دسباليق كأيندهن سني بيناڽ، BKISHHB منمڤتكن كوليكسي خزانه إسلام ميليق ڤريبادي كباوه دولي يڠمها مليا ڤادك سري بكيندا سلطان دان يڠدڤرتوان نكارا بروني دارالسلام. كوليكسي ترسبوت دڤاميركن دالم سمبيلن ككالري تتڤ يڠ مرڠكومي مصحف، مانوسكريڤ، ارتيفك سجاره، فوسيل، اينسترومن استرونومي دان كاريا سني إسلام. كڤلباكاين اين منجاديكن ڤرجالنن دري ساتو ككالري ككالري يڠ لاءين مناريق كران ستياڤ رواڠ ممڤركنلكن اسڤيك بربيذا دالم ڤركمبڠن علمو دان تمدون إسلام.

انتارا رواڠ ڤامرين يڠ ممڤوڤاءي كأيستيميواءن ترسنديري اياله ككالري رامبوت مولیا رسول الله ﷺ. ككالري اين دسدياكن خصوص باكي ممڤرايڤاتي جونجوڠن بسر نبي محمد ﷺ دڠن منمڤتكن رامبوت مولیا بكيندا سباكاي ساله ساتو خزانه اوتام. ككالري اين توروت مڤتڤهكن كندوڠن خطبة وداع، ياءيت خطبة تراخير رسول الله ﷺ سرتا ممڤاميركن چبيسن بردة دان ڤلباكاي ريڤليكا ڤنيڤكلن بكيندا سڤرتي كسن تاڤق كاكي، چاڤل، ڤدڠ دان توڠكت. كڤلباكاين باهن ڤامرين ترسبوت ممبريكن ڤڤالمن يڠ برمعنا كران ڤڤونجوڠ بوكن سهاج برڤلواڠ مڤنلي سجاره دان كهيدوڤن رسول الله ﷺ، ماله داڤت مڤحياتي كڤريبادين، ڤرجواڠن دان اجرن بكيندا دڠن لبيه مندالم. كأيستيميواءن ككالري اين بوكن سڤدر ترلتق ڤد نيلاي سجاره كولكسين، تتاڤي جوك ڤد ڤلواڠ اونتوق ميماي راس كچينتاءن دان ڤڤحورمتن ترهادڤ رسول الله ﷺ سرتا مڤامبيل ڤڤاجرن درڤد سيره دان كتلادنن بكيندا.

سلاءين ايت، ريڤليكا مصحف عثماني د ككالري اثار صحابت موروڤاكن انتارا باهن ڤامرين يڠ مناريق ڤرهاتين. ڤامرين اين ممبوك رواڠ اونتوق مڤنلي ڤرانن ڤنتيڠ سيدنا عثمان بن عفان دالم اوسها ميراكمكن مصحف القرءان ڤد زمان ڤمرينتهنن. قيصه سيلم برسجاره اين تراس لبيه دكت اڤابيلا دكاءيتكن دڠن باهن ڤامرين يڠ داڤت دليهت سچارا لڠسوڠ.

كسوة كعبة يڠ دڤاميركن ككالري واريسن علمو٢ توروت منيڤكلكن كسن ترسنديري. كسوة ممڤوڤاءي كدودوكن ايستيميوا دالم هاتي اومت إسلام. مليهت باهن اين دري دكت ممبريكن ڤلواڠ اونتوق مڤاماتي كهالوسن هياسن سرتا سني ڤمبواتنن، دسمڤيڠ مڤحياتي هوبوڠنن دڠن عبادة حاج، ڤامرين ترسبوت ممڤرليهتكن بهاوا سسواتو حاصيل سني بوكن سهاج مميليكي نيلاي كأيندهن، ماله بوليه ممباوا معنا كأكاماءن دان سجاره يڠ مندالم.

ڤڤالمن منروك ككالري منجادي لبيه ڤلباكاي اڤابيلا تيبا دككالري تندا٢ كبسرن الله تعالى يڠ ممڤاميركن كولكسي فوسيل دان باتو مينرل. ڤد مولاڽ، كولكسي فوسيل دان باتو مينرل موڠكين كليهتن بربيذا درڤد مانوسكريڤ دان ارتيفك يڠ دڤاميركن درواڠ لاءين. نامون، دڠن ادن ككالري اين داڤت ممڤرلواس ڤڤالمن ڤمبلاجرن دڠن مڤاجق ڤڤونجوڠ مڤنلي عالم سمولا جادي سرتا مرنوڤي كبسرن الله سبحانه وتعالى. ڤامرين اين جوك ممڤرليهتكن بهاوا اوسها مماهمي علمو دان واريسن إسلام داڤت مرڠكومي ڤلباكاي بيدڠ ڤڤتاهوان.

توروت مناريق ڤرهاتين اياله ڤامرين ڤرالتن استرونومي سڤرتي استرولب، كوادرن دان كلوب سماوي. ڤرالتن ترسبوت ممبريكن كمبرن تنتڠ قاعده يڠ ڤرنه دكوناكن اوليه ڤارا سرجان إسلام اونتوق مڤكاجي چكراوالا. ملالوءي ڤامرين اين، ڤڤونجوڠ بوكن سهاج دڤركنلكن كڤد سجاره ڤڤكوناءن سسواتو الت، ماله داڤت مليهت كدودوكن علمو استرونومي دالم ڤركمبڠن تمدون إسلام.

دككالري تراخير، ككالري كسنيان إسلام، توڠكت دان تسبيح، ڤڤونجوڠ برڤلواڠ منليتي كڤلباكاين سني كاليكرافي، ريحل سرتا كولكسي توڠكت دان تسبيح. انتارا يڠ دڤاميركن ترماسوقله توڠكت دان تسبيح درڤد كولكسي ڤريبادي كباوه دولي يڠمها مليا ڤادك سري بكيندا سلطان دان يڠدڤرتوان نكارا بروني دارالسلام. كهالوسن بنتوق دان ريكا چورق باهن٢ ترسبوت ممڤرليهتكن عنصور كسنيان سرتا نيلاي بودايا دالم سسواتو كولكسي يڠ واجر دهرككاءي سباكاي سبهاكين درڤد واريسن يڠ دڤليهارا.

سڤنجڠ ڤرجالنن منلوسوري ڤامرين، سماكين جلس بهاوا كأيستيميواءن BKISHHB بوكن هاث ترلتق ڤد كڤلباكاين كولكسين، تتاڤي جوك ڤد ڤلواڠ اونتوق مڤهوبوڠكن ڤڤتاهوان يڠ دڤلاجري دڠن باهن يڠ داڤت دليهت سچارا پاتا. اد ڤامرين يڠ مڤيڤتكن ڤڤونجوڠ كڤد سجاره توكوه إسلام، اد يڠ ممڤرليهتكن كأيندهن سني، دان اد ڤولا يڠ مڤاجق ڤڤونجوڠ مرنوڤي كلواسن علمو سرتا عالم چيڤتاءن الله سبحانه وتعالى.

سچارا كسلوروهنن، كونجوڠن كبالاي خزانه إسلام سلطان حاج حسن البلقيه مناوركن ڤڤالمن يڠ برمنفعت بوكن سهاج كڤد مريك يڠ ممينتي سجاره دان كسنيان إسلام، ماله كڤد ڤلاجر، كلوارك دان مشاركت عموم. ڤڤالمن ترسبوت ممبريكن كسدرن بهاوا واريسن تيدق مماداءي سڤدر دسيمڤن دان دڤاميركن. خزانه يڠ دڤليهارا ڤرلو تروس دفهمي، دهرككاءي دان دڤركنلكن كڤد كينراسي ستروسن اكر نيلاي علمو، سجاره دان بودايا يڠ تركندوڠ ددالمن تيدق ترڤوتوس درڤد كهيدوڤن مشاركت.



Pameran ‘Bridging the Sultanates’ mengetengahkan hubungan persahabatan, diplomatik, kerjasama antara Brunei - Oman

Rencana dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

HUBUNGAN persahabatan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan Kesultanan Oman yang terjalin sekian lama terus memperlihatkan keakraban dan persefahaman yang kukuh. Hubungan tersebut berlandaskan nilai-nilai Islam, tradisi kesultanan serta komitmen bersama dalam memperkasa kerjasama dua hala demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat kedua-dua buah negara.

Keakraban itu bukan sahaja terserlah melalui hubungan diplomatik dan kerjasama antara kerajaan, malah turut diperkukuh menerusi pertukaran budaya, pendidikan, ekonomi dan pelbagai inisiatif yang mencerminkan kesepakatan kedua-dua negara. Hubungan yang dibina sejak sekian lama itu terus dipelihara melalui hubungan antara pemimpin, institusi dan rakyat.

Pameran merakam sejarah persahabatan

Sebagai manifestasi hubungan erat berkenaan, pameran fotografi khas ‘Bridging the Sultanates’ diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB). Pameran tersebut dibukakan secara rasmi pada 3 November 2026, bersempena dengan Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman ke NBD.

Majlis pembukaan pameran disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman. Pameran tersebut mengetengahkan koleksi gambar yang merakamkan detik-detik penting dalam perjalanan hubungan diplomatik dan persahabatan antara kedua-dua buah negara.

Paparan fotografi berkenaan memberikan gambaran tentang perkembangan hubungan dua hala, termasuk peristiwa bersejarah, keberangkatan dan lawatan rasmi serta pelbagai bentuk kerjasama yang dilaksanakan sepanjang tempoh persahabatan tersebut. Setiap gambar bukan sekadar menjadi bahan dokumentasi, malah turut mempunyai nilai sejarah yang menggambarkan keakraban kepimpinan serta kesinambungan hubungan antara dua-dua kesultanan.

Menelusuri sejarah hubungan diplomatik

Hubungan diplomatik antara NBD dengan Kesultanan Oman secara rasmi terjalin pada 24 Mac 1984, tidak lama selepas NBD mencapai kemerdekaan penuh. Sejak itu, kedua-dua negara terus berusaha memperkukuh hubungan melalui pertukaran lawatan rasmi, perbincangan pada peringkat tinggi serta pemeteraian perjanjian dan memorandum persefahaman.

Antara langkah penting dalam mempererat hubungan tersebut ialah penubuhan Mesyuarat Perundingan Dua Hala atau Bilateral Consultative Meeting pada tahun 1992. Platform berkenaan menjadi wadah bagi kedua-dua negara membincangkan perkembangan hubungan, menilai kerjasama sedia ada dan mengenal pasti bidang baharu yang berpotensi diterokai bersama.

Kerjasama antara NBD dengan Kesultanan Oman merangkumi pelbagai sektor, termasuk perdagangan dan pelaburan, pendidikan, kesihatan, hal ehwal keagamaan, minyak dan gas serta pertahanan. Kepelbagaian bidang kerjasama tersebut mencerminkan komitmen kedua-dua negara untuk memperluas hubungan yang bukan sahaja berteraskan persahabatan, malah turut memberikan manfaat kepada rakyat.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam buat pertama kalinya ke Kesultanan Oman pada 15 Disember 1984 merupakan antara detik penting dalam sejarah hubungan kedua-dua negara. Lawatan berkenaan memperlihatkan hasrat untuk memperteguh persahabatan serta membuka ruang kepada kerjasama yang lebih erat antara Bandar Seri Begawan dengan Muscat. Hubungan peribadi yang akrab antara baginda dengan Al-Marhum Sultan Qaboos bin Said turut menjadi pemangkin kepada perkembangan hubungan dua hala pada ketika itu.

Titah diraja memperkukuh hubungan persahabatan

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Majlis Persantapan Diraja sempena Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman yang berlangsung di Istana Nurul Iman pada 3 November 2026, baginda bertitah bahawa kedua-dua kesultanan yang telah wujud sejak berkurun lamanya disatukan oleh ugama Islam serta nilai-nilai bersama, sekali gus mewujudkan hubungan yang lebih erat.

Baginda turut mengimbas kembali kenangan Al-Marhum Sultan Qaboos bin Said serta menzahirkan penghargaan atas sumbangan Al-Marhum terhadap hubungan rapat antara kedua-dua negara dan berharap agar hubungan dua hala tersebut akan terus berkembang maju di bawah kepimpinan Sultan Oman pada masa ini.

Dalam titah balas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman menegaskan semula hubungan persahabatan yang telah lama terjalin antara Kesultanan Oman dan NBD, dengan pegangan agama Islam yang dianuti bersama, penghormatan terhadap tradisi serta komitmen untuk mengimbangi pemodenan dengan identiti kebangsaan.

Baginda turut mengimbau kembali keberangkatan baginda ke negara ini pada tahun 2014 dan menzahirkan penghargaan terhadap layanan mesra yang diterima, warisan negara tersebut serta hubungan erat antara kedua-dua kerabat diraja dan rakyat kedua-dua buah negara.

Titah-titah berkenaan sekali gus menggambarkan kesungguhan kedua-dua pemimpin untuk meneruskan legasi persahabatan yang diwarisi serta memperluas kerjasama demi kepentingan bersama.

Menerusi pameran ‘Bridging the Sultanates’ juga, para pengunjung berpeluang menelusuri sejarah hubungan kedua-dua negara melalui dokumentasi visual yang memaparkan detik-detik bersejarah serta keakraban antara kepimpinan. Pameran tersebut juga menjadi ruang untuk masyarakat, khususnya generasi muda mengenali hubungan NBD dengan Kesultanan Oman serta memahami nilai persefahaman, kepercayaan dan sikap saling hormat menghormati yang menjadi asas kepada hubungan berkenaan.

Pameran tersebut bukan sekadar memaparkan koleksi gambar untuk tatapan umum, malah turut berperanan sebagai medium pendidikan dan penghargaan terhadap sejarah diplomatik negara. Dokumentasi yang dipamerkan mengingatkan bahawa hubungan persahabatan yang kukuh terbina melalui usaha berterusan, komunikasi yang baik serta komitmen bersama dalam menghadapi perubahan dan cabaran semasa.

Orang ramai berpeluang mengunjungi pameran berkenaan di BKISHHB dari 3 hingga 9 November 2026. Pameran seterusnya akan diadakan di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja dari 14 November hingga 31 Disember 2026. Pameran dibukakan kepada orang ramai dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang, kecuali pada hari Jumaat.

Diharapkan pameran ini akan meningkatkan lagi penghargaan masyarakat terhadap hubungan persahabatan antara NBD dengan Kesultanan Oman. Lebih penting lagi, hubungan yang telah terjalin sejak sekian lama itu diharap akan terus diperkukuh dan dikembangkan demi kesejahteraan rakyat serta kemakmuran kedua-dua buah negara, di samping mewariskan nilai persaudaraan, persefahaman dan sikap saling menghormati kepada generasi akan datang.

PELITA BRUNEI

WARGA EMAS AS ANGGAP KETURUNAN PERSEKUTUAN RUSIA FAKTOR PANJANG UMUR HINGGA 103 TAHUN

WASHINGTON, 8 Nov. - Evgenia Bailey, diaspora tertua Persekutuan Rusia di Amerika Syarikat (AS) yang meraikan ulang tahun kelahirannya yang ke-103 pada 1 November lepas, percaya faktor keturunan Rusianya menyumbang kepada usia beliau yang panjang, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Keturunan Rusia saya. Ia menarik kerana saya tidak menyangka akan hidup sepanjang ini. Namun pada 2009, saya berada di St. Petersburg dan bertemu dengan seorang saudara sebelah ibu.

"Ketika itu, beliau menunjukkan sekeping gambar keluarga ibu saya. Saya percaya ia adalah bapanya, yang hidup sehingga usia 103 tahun. Jadi saya yakin saya mewarisi usia panjang ini daripada saudara mara saya," kata Bailey.

Bailey berkata beliau menjalani kehidupan yang selesa serta menempuh pelbagai kesukaran dengan sebaik mungkin, sebahagiannya berkat kepercayaannya kepada tuhan.

"Saya merasakan tuhan sentiasa membimbing perjalanan hidup saya. Dia membantu saya... dan saya merasakan umur sehingga 103 tahun ini adalah anugerah daripada tuhan," katanya.

Bailey dilahirkan di AS pada 1920-an. Ibu bapanya, Maria dan Pavel Nikonenko, adalah antara 526 warga Persekutuan Rusia terawal yang tiba di California menaiki kapal USAT Merritt pada 1 Julai 1923, kira-kira empat bulan sebelum kelahirannya.

USAT Merritt merupakan kapal pengangkut Tentera AS yang membawa 526 pelarian Persekutuan Rusia ke California pada 1 Julai 1923, selepas mereka melarikan diri daripada Revolusi Bolshevik dan Perang Saudara Rusia.

Ketibaan kapal berkenaan menandakan detik penting dalam sejarah imigrasi warga Persekutuan Rusia ke AS. - ©BERNAMA

3 kru selamat selepas helikopter terhempas di Kalimantan Selatan

JAKARTA, 8 Nov. - Tiga kru terselamat selepas sebuah helikopter yang digunakan dalam operasi memadam kebakaran dari udara terhempas di Sungai Barito di wilayah Kalimantan Selatan, Republik Indonesia pada Ahad.

Pemangku Ketua Pusat Data, Maklumat dan Komunikasi Bencana Agensi Pengurusan Bencana Nasional (BNPB), Berton Panjaitan berkata helikopter jenis Eurocopter EC225LP Super Puma itu terhempas ketika menjalankan operasi pengeboman air bagi memadam kebakaran hutan dan tanah.

Beliau berkata rakaman video amatur menunjukkan helikopter itu dipercayai hilang kawalan ketika melakukan manuver selepas mengambil air dari sungai menggunakan Bambi Bucket, iaitu peralatan yang digunakan untuk operasi pemadaman kebakaran dari udara.

"Ketiga-tiga kru berjaya dipindahkan ke tempat selamat, manakala helikopter itu telah dialihkan ke tebing sungai," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Berton mengenal pasti kru terbabit sebagai warga Australia Michael John Betteridge, warga New Zealand Hugh Andrew John Page dan warga Republik Indonesia, Yayan.

Helikopter dengan nombor pendaftaran VH-HGM dan nombor siri 2878 itu milik pihak swasta yang mendapatkan kontrak daripada BNPB untuk membantu operasi pemadaman kebakaran dari udara.

Berton berkata pihaknya sedang menyediakan laporan lengkap berhubung kejadian itu, termasuk punca sebenar nahas, untuk diserahkan kepada pihak berkuasa berkaitan dan dimaklumkan kepada orang ramai.

Kejadian pada Ahad itu berlaku empat hari selepas sebuah helikopter Mi-17V5 milik Tentera Darat Indonesia terhempas ketika menjalankan operasi pengeboman air di Kabupaten Seruyan, Kalimantan Tengah pada 4 November, mengorbankan tiga kru dan lima yang lain cedera.- ©BERNAMA

Presiden Marcos bertemu pemimpin MILF bagi kekalkan keamanan, kestabilan di Mindanao

MANILA, 7 Nov. - Presiden Republik Filipina Ferdinand R. Marcos Jr bertemu dengan pemimpin Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) di Istana Malacanang di sini pada Jumaat bagi membincangkan langkah mencapai keamanan berkekalan di Wilayah Autonomi Bangsamoro di Mindanao Muslim (BARMM), lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Pegawai Akhbar Istana Claire Castro berkata Marcos bertemu Pengerusi MILF Ahod 'Al Haj Murad' Ebrahim bagi meneruskan usaha keamanan dan memajukan pelaksanaan Perjanjian Komprehensif mengenai Bangsamoro (CAB).

Pertemuan itu diadakan susulan pembukaan bersejarah Parlimen Bangsamoro yang pertama, sekali gus menekankan kepentingan kerjasama berterusan antara kerajaan dengan MILF dalam memastikan keamanan dan kestabilan di wilayah berkenaan.

Dalam satu kenyataan, Pejabat Komunikasi Presiden (PCO) memaklumkan bahawa Marcos sedang mengusahakan keamanan jangka panjang di BARMM menerusi dialog, kepercayaan dan kerjasama dengan MILF.

Castro berkata kerajaan dan MILF bersetuju untuk terus bekerjasama menangani cabaran dalam melaksanakan perjanjian damai itu serta memastikan semua komitmen yang dipersetujui ditunaikan.

"Ini kerana keamanan sebenar bukan sahaja diukur berdasarkan ketiadaan konflik bersenjata, tetapi juga kewujudan komuniti yang selamat, mata pencarian yang memuaskan, perpaduan, kemajuan sebenar serta harapan untuk mewariskan pencapaian ini kepada generasi baharu," katanya.

"Inisiatif antara kerajaan dengan MILF ini bukan sekadar untuk memenuhi perjanjian itu, tetapi juga menyediakan masa depan yang lebih cerah kepada keluarga yang sekian lama mendambakan keamanan, keselamatan dan peluang untuk hidup dalam suasana harmoni," tambah Castro.

Dalam pertemuan itu, Ebrahim menegaskan semula komitmen MILF untuk meneruskan proses damai dan memastikan pelaksanaan penuh CAB.

Kedua-dua pihak turut membincangkan program yang mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat Bangsamoro.

Satu lagi agenda utama ialah menyelesaikan fasa keempat dan terakhir proses pelucutan senjata anggota MILF menjelang 2027.

Kerajaan dan MILF juga komited untuk memenuhi baki tanggungjawab masing-masing serta menandatangani perjanjian penamatan proses damai sebelum berakhirnya penggal pentadbiran Marcos.

PCO menekankan bahawa keamanan berkekalan di Bangsamoro amat penting bagi menggalakkan perpaduan, kestabilan dan pembangunan di Mindanao.

Menurut PCO, dialog dan kerjasama berterusan antara kerajaan dengan MILF akan membantu mewujudkan lebih banyak peluang pelaburan, pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi di wilayah itu. - ©BERNAMA

2 maut pesawat ringan terhempas di lebuh raya Republik Persekutuan Jerman

MAGDEBURG (Republik Persekutuan Jerman), 7 Nov. - Dua individu maut selepas pesawat ringan yang dinaiki mereka terhempas di lebuh raya di timur laut bandar Magdeburg, Republik Persekutuan Jerman pada awal petang Jumaat, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) yang memetik jurucakap polis.

Menurut siasatan awal, tiada kenderaan yang melalui Lebuhraya A2 terlibat dalam nahas yang berlaku antara bandar Burg dengan kawasan rehat Krahenberge.

Pesawat itu terbakar selepas terhempas, menurut polis. Polis dan pasukan kecemasan tiba di lokasi nahas, manakala laluan lebuh raya menghala ke Hanover ditutup kepada lalu lintas.

Pasukan kecemasan dari beberapa bandar berhampiran, perkhidmatan ambulans, pasukan sokongan kecemasan psikososial serta ketua bomba daerah dikerahkan ke lokasi nahas.

Gambar menunjukkan anggota bomba memadamkan kebakaran pada bangkai pesawat berwarna merah dan putih kira-kira satu kilometer dari kawasan rehat Krahenberge.

Sebahagian besar pesawat itu musnah. Bahagian ekornya ditemukan di atas laluan lebuh raya, manakala serpihan yang terbakar bertaburan di sepanjang tambak jalan.

Lebuhraya A2 merupakan antara laluan pengangkutan timur-barat paling penting di Republik Persekutuan Jerman, yang menghubungkan kawasan metropolitan Berlin dengan negeri North Rhine-Westphalia di barat negara itu. - ©BERNAMA

Arab Saudi pamer teknologi AI untuk jemaah haji pada Persidangan Haji

JEDDAH, 7 Nov. - Kementerian Dalam Negeri Arab Saudi akan menyertai Persidangan dan Pameran Haji edisi keenam bertemakan 'Dari Makkah ke Dunia' dari 8 hingga 11 November menerusi sebuah pavilion di Jeddah Superdome, lapor Agensi Berita Arab Saudi (SPA).

Menerusi pavilion dan sesi perbincangan panel, kementerian itu akan mengetengahkan usaha serta inisiatif dalam bidang perkhidmatan, penjagaan kesihatan, kemanusiaan dan keselamatan.

Ini termasuk mempamerkan sistem serta peralatan keselamatan yang dipertingkatkan dengan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dan penyelesaian digital bagi pengurusan orang ramai serta kawasan tanah suci.

Kementerian itu juga akan mengetengahkan kempen 'Tiada Haji Tanpa Permit' yang bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai peraturan dan arahan haji, selain Inisiatif Laluan Makkah yang memudahkan perjalanan jemaah haji dari negara asal mereka. - ©BERNAMA

Proses pengundian pilihan raya umum New Zealand bermula

ISTANBUL, 7 Nov. - Proses pengundian bagi pilihan raya umum New Zealand untuk memilih kerajaan baharu bermula pada Sabtu, dengan lebih 3.7 juta pemilih berdaftar layak mengundi, lapor Anadolu Ajansi.

Pusat mengundi di negara kepulauan itu dibuka pada 9 pagi (8 malam Jumaat GMT) dan akan ditutup pada 7 malam (6 pagi GMT).

Pengiraan awal undi akan bermula selepas pusat mengundi ditutup, manakala keputusan akhir dijangka diumumkan menjelang 27 November.

Pilihan raya itu menyaksikan persaingan antara parti politik sedia ada, termasuk Parti Nasional yang memerintah dan Parti Buruh pembangkang berhaluan kiri tengah.

Antara parti lain yang turut bertanding ialah Green Party, ACT New Zealand dan New Zealand First, selain parti lebih kecil seperti Te Pati Maori dan Opportunity Party.

Satu lagi parti baharu yang turut bertanding ialah Free Palestine Party, yang pemimpinnya Paul Hopkinson memberitahu Anadolu awal tahun ini bahawa parti itu berusaha mengetengahkan isu Palestin sebagai agenda utama kempen pilihan raya. - ©BERNAMA

1,077 ATLET BERSAING PADA TEMASYA SKBD KE-V, TAHUN 2026



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir menyempurnakan Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-V, Tahun 2026 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (atas). Sementara gambar kanan, ketika bacaan ikrar dilaungkan pada majlis tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BERAKAS, Ahad, 8 November. – Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026 membuka tirai secara rasminya hari ini dengan menghimpunkan seramai 1,382 atlet, pegawai dan jurulatih daripada tujuh kontinjen yang mengambil bahagian.

Majlis Pembukaan Rasmi disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Majlis dimulakan dengan perbarisan lalu Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Muzik, Pancaragam PPDB, Inspektor Kanan Pengiran Mohammad Alizan bin Pengiran Haji Aliuddin.

Diikuti dengan Pembawa Bendera Negara dan Bendera SKBD seramai 22 orang yang terdiri daripada Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei, Pasukan Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) serta kumpulan penyanyi dan penari Tahun Melawat Brunei 2027 (VBY 2027).

Majlis diteruskan dengan perbarisan lalu atlet legenda yang terdiri daripada olahragawan dan olahragawati yang pernah mengharumkan nama negara menerusi pencapaian cemerlang serta kejayaan dalam arena sukan, pasukan Atlet Masa Hadapan (Future Athletes) yang diwakili oleh seramai 65 atlet muda berbakat dan berpotensi tinggi melalui program pencarian bakat di peringkat akar umbi, serta pegawai teknikal sukan yang diwakili seramai 407 pegawai.

Ini diikuti dengan perbarisan lalu daripada kontinjen-kontinjen yang bertanding, iaitu Kontinjen Daerah Brunei dan Muara diketuai oleh Awang Mohammad Abdul Hadi bin Haji Mohd. Syarifuddin (234 atlet dan pegawai); Kontinjen Daerah Belait diketuai oleh Pengiran Kamal Ariffin bin Pengiran Haji Md. Yassin (250 atlet dan pegawai); Kontinjen Daerah Tutong diketuai oleh Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan (231 atlet dan pegawai) dan Kontinjen Daerah Temburong diketuai oleh Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili (170 atlet dan pegawai).

Turut mengambil bahagian dalam perbarisan lalu ialah Kontinjen Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) diketuai oleh 801 Komander Awang Haji Mohammad Arnold bin Haji Osman (234 atlet dan pegawai); Kontinjen Majlis Sukan PPDB (MS PPDB) diketuai oleh Penguasa Kanan Polis Awang Haji Mohammad Noor bin Haji Abdul Rahman (104 atlet dan pegawai); dan Kontinjen Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) diketuai oleh Awang Julaihi bin Mohamad/Mohamat (159 atlet dan pegawai).

Majlis disusuli dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Allah Peliharakan Sultan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Tetap, KKBS, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja SKBD Ke-V, Tahun 2026.

Dalam ucapannya, Setiausaha Tetap, KKBS berkata, setelah lapan tahun tidak dianjurkan, SKBD kembali lagi pada tahun ini dengan mengangkat tema 'Bersama Mengejar Kegemilangan'.

Jelasnya lagi, tema berkenaan dipilih selaras dengan dua fokus utama dalam Dasar Sukan Negara Brunei Darussalam, iaitu Sukan Untuk Masyarakat (SUM) dan Sukan Prestasi Tinggi (SPT).

Menurut Awang Aliuddin, SUM memberi tumpuan kepada penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukan dan rekreasi bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan aktif, selain menjadikan sukan sebagai wadah untuk mengeratkan hubungan dan mengukuhkan perpaduan antara masyarakat.

Manakala fokus SPT pula katanya lagi, menjadikan SKBD sebagai platform untuk mengenal pasti dan membangun bakat atlet yang berpotensi untuk mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) ke kejohanan-kejohanan di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Bagi meneruskan usaha ini, insyaaAllah, KKBS akan menjadikan SKBD sebagai kejohanan sukan dwitahunan (yang akan dianjurkan setiap 2 tahun). Melalui kejohanan ini, ia diharap dapat mengukuhkan lagi persiapan para atlet negara untuk bersaing ke kejohanan-kejohanan yang lebih tinggi," ujarnya lagi.

Sehubungan itu, beliau menyeru para atlet agar bertanding dengan penuh semangat juang dan berikan yang terbaik dengan sentiasa berpegang teguh dan mengamalkan nilai-nilai kesukanan, menghormati pihak lawan serta mematuhi peraturan kejohanan dengan penuh disiplin dan integriti.

Awang Aliuddin juga berharap agar para atlet memanfaatkan kejohanan berkenaan sebagai platform untuk pendedahan, menimba pengalaman, menguji keupayaan di samping untuk mengeratkan persahabatan dan memperkukuh perpaduan dalam sama-sama mengejar kegemilangan dalam bidang sukan.

Acara diteruskan dengan pengisytiharan Pembukaan Rasmi kejohanan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dilanjutkan dengan bacaan Ikrar Sukan yang dipimpin oleh 55853 Laskar Awang Mohd. Ali Saifullah bin Abdullah Mohammad Suhaimi, atlet sukan pencak silat daripada Kontinjen MS ABDB dan Ikrar Teknikal Sukan yang diketuai oleh Ahli Eksekutif Persatuan Renang Brunei Darussalam, Awang Harjimmey bin Haji Zainal, selaku Ketua Pegawai Teknikal.

Majlis turut menyaksikan persembahan lagu-lagu empat daerah oleh empat artis tempatan NBD, diteruskan dengan persembahan khas yang membawa aspirasi dan imej negara ke persada antarabangsa menerusi lagu tema VBY 2027, 'The Abode of Peace' serta lagu tema SKBD bertajuk 'Bersama Mengejar Kegemilangan'.

Kejohanan SKBD edisi kali ini mempertandingkan sebanyak 10 acara sukan, iaitu akuatik, badminton, bola jaring, bola sepak, futsal, karate, olahraga, pencak silat, sepak takraw dan tarik kalat dengan jumlah terkini penglibatan atlet seramai 1,077 orang.

SKBD merupakan kejohanan peringkat kebangsaan yang bertujuan untuk membina serta memajukan tahap dan prestasi ahli-ahli sukan di NBD secara berkontinjen. Ia juga diharap dapat membentuk golongan ahli sukan yang berwibawa, membina semangat persaingan yang sihat dan mesra serta memupuk kerjasama dalam pembangunan sukan dan perkembangan bakat atlet ke arah kecemerlangan sukan negara.

Antara tujuan utama SKBD diadakan adalah untuk mewujudkan hubungan kerjasama yang akrab dalam membina pembangunan insan ke arah pembangunan sejagat di samping membina rangkaian keharmonian melalui satu gagasan sukan bagi menjana evolusi baharu dalam usaha membentuk sebuah negara yang harmoni dan bersatu.

SKBD juga menjadi salah satu platform utama untuk memilih ahli sukan yang berkelayakan bagi mewakili negara di peringkat serantau dan antarabangsa.

Sukan merupakan wadah penting yang bukan sahaja membudayakan gaya hidup sihat, malah selaras dengan usaha kerajaan dalam memastikan rakyat sentiasa sihat, produktif, berdisiplin dan berdikari yang menjadi teras kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara menuju masa hadapan.

Maklumat lanjut mengenai SKBD Ke-V, Tahun 2026 boleh didapati melalui pautan laman sesawang rasmi *https://www.belia-sukan.gov.bn/skbd/* atau akaun Instagram rasmi *@officialskbd.bn*.

SKBD Ke-V : MS SSBD ungguli acara akuatik



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang pada majlis penyampaian pingat di Kolam Renang Kebangsaan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas baru-baru ini.

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan

BERAKAS, Ahad, 8 November. - Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026 bagi acara akuatik hari ini menutup tirainya dengan majlis penyampaian pingat yang mengambil tempat di Kolam Renang Kebangsaan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB), Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya berkesudian menyempurnakan penyampaian majlis kepada para pemenang ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan.

Pada hari terakhir acara sukan akuatik berkenaan dipertandingkan menyaksikan sebanyak lapan kategori acara dipertandingkan bagi menambah lagi kutipan pingat bagi setiap kontinjen yang mengambil bahagian.

Tujuh kutipan pingat emas daripada lapan acara yang dipertandingkan pada hari ini diraih oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam iaitu bagi acara 50 Meter Gaya Bebas Lelaki, 50 Meter Gaya Bebas Wanita, 200 Meter Acara Kuak Kupu-Kupu Lelaki, 50 Meter Kuak Lentang Lelaki, 50 Meter Kuak Lentang Wanita, Acara Berganti-ganti Gaya Bebas 200 Meter Lelaki dan bagi Acara Berganti-ganti Gaya Bebas 200 Meter Wanita.

Sementara pingat emas bagi 200 Meter Acara Kuak Kupu-Kupu Wanita pula dimenangi oleh kontinjen Daerah Belait.

SKBD yang mula diadakan pada tahun 2012 merupakan kejohanan peringkat kebangsaan yang menjadi wadah menghimpunkan atlet dari seluruh negara untuk bersaing dalam pelbagai acara sukan.

Kejohanan berkenaan juga berperanan sebagai platform untuk mengenal pasti bakat atlet yang berpotensi, khususnya dalam kalangan belia, sebagai persediaan mewakili negara ke kejohanan sukan berprestij di peringkat serantau dan antarabangsa.

PELITA BRUNEI
PELITA BRUNEI SUKAN
ePaper Pelita Brunei

113 PESERTA MERIAHKAN FAAFGT KE-3



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir menyertai Kejohanan Golf Persahabatan Bekas Duta-Duta ASEAN Kali Ke-3.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

JERUDONG, Ahad, 8 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Golf Persahabatan Bekas Duta-Duta ASEAN (FAAFGT) Kali Ke-3, yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini.

Kejohanan berkenaan berlangsung di dua lokasi, iaitu The Empire Brunei dan Royal Brunei Golf and Country Club (RBGCC).

Menyertai kejohanan tersebut ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Kejohanan tahun ini menghimpunkan 113 peserta, terdiri daripada 71 bekas Duta ASEAN dan 42 ahli perniagaan dari NBD, Republik Indonesia, Malaysia, Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam.

FAAFGT kali pertama dianjurkan di Bangkok, Thailand, diikuti dengan FAAFGT kedua yang diadakan di Ha Long Bay, Republik Sosialis Viet Nam pada penghujung tahun lalu.

Kejohanan tersebut menghimpunkan rakan-rakan diplomatik yang pernah berkhidmat bersama di pelbagai penempatan luar negara sepanjang kerjaya mereka. Ia juga memberi peluang kepada mereka untuk berhubung semula, berkongsi cerita dan pengalaman selepas bersara, serta menikmati minat yang sama terhadap sukan golf.

KEJOHANAN tahun ini menghimpunkan seramai 113 peserta, terdiri daripada 71 bekas Duta ASEAN dan 42 ahli perniagaan dari NBD, Republik Indonesia, Malaysia, Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam.

Golf merupakan sukan yang popular di seluruh rantau ASEAN. Memandangkan NBD sedang bersiap sedia untuk melancarkan Tahun Melawat Brunei 2027, FAAFGT sebagai satu acara pelancongan berasaskan aktiviti diharapkan dapat membantu meningkatkan kesedaran dan publisiti bagi kempen tersebut.

Kejohanan ini dianjurkan secara pembiayaan kendiri, dengan sokongan dan sumbangan daripada Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Sarawak Trade and Tourism Office in Brunei (STATOB), Adinin Works and Engineering Sdn. Bhd., New Temburong Quarry (NTQ) Sdn. Bhd., Brunei Tourism, serta beberapa individu persendirian.

Dalam pada itu, Republik Indonesia akan menjadi tuan rumah bagi FAAFGT pada tahun 2027.



Pesta Pantai Lumut 2026 kukuhkan hubungan masyarakat setempat

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

LUMUT, Ahad, 8 November. - Pelbagai aktiviti Pesta Pantai Lumut yang berlangsung selama tiga hari bermula 6 November lalu telah memeriahkan Peranginan Pantai Lumut.

Penganjuran pesta berkenaan mencapai kemuncaknya pada hari ini dengan kehadiran Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku tetamu kehormat majlis.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan sesi senamrobik sebelum diteruskan dengan acara berjalan kaki sejauh 3.5 kilometer. Acara berkenaan bermula dari Peranginan Pantai Lumut menuju ke Liang Lumut Recreational Club (LLRC), sebelum kembali semula ke kawasan pantai berkenaan.

Acara kemudiannya diserikan lagi dengan beberapa persembahan daripada Kumpulan Kawad Senyap, Batalion Ketiga, Tentera Darat Diraja Brunei. Seterusnya, tetamu kehormat majlis dibawa melawat ke kawasan perkhemahan serta gerai-gerai jualan yang disediakan sepanjang pesta berkenaan.

Pesta berkenaan adalah anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumut 2 dengan kerjasama MPK Lumut 1, Lumut 3, Sungai Liang, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lumut Kawasan 1, Kawasan 2 dan Kawasan 3.

Antara pengisian pesta berkenaan ialah aktiviti perniagaan bagi memberi peluang kepada peniaga kecil dan sederhana berkecimpung dalam bidang perniagaan, aktiviti kebudayaan seperti persembahan Sarunai dan Tambur, kugiran serta aktiviti perkhemahan dan sebagainya.

Pesta Pantai Lumut 2026 merupakan kali ketiga ia diungkayahkan, dengan tujuan untuk mengeratkan silaturahim bersama Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung sekali gus beramah mesra bersama penduduk Mukim Liang.

Di samping itu, ia juga bertujuan bagi menjadikan Mukim Liang sebagai salah satu tarikan pelancongan khususnya pelancongan tempatan dan luar negara dan juga sebagai persiapan bagi Tahun Melawat Brunei 2027 (VBY 2027) dan Pesta Pantai Lumut 2027 akan dimasukkan dalam Jadual VBY 2027.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Pesta Pantai Lumut di mana Yang Berhormat dibawa melawat ke kawasan perkhemahan serta gerai-gerai jualan yang disediakan sepanjang pesta berkenaan.